

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II      Bil. 31      Hari Selasa      24hb. Disember 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1996 (Ruangan 44)

Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1996 (Ruangan 49)

Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah Syariah  
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996 (Ruangan 59)

*bersambung...*

*...sambungan*

Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996	(Ruangan 75)
Rang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996	(Ruangan 122)
Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996	(Ruangan 132)
Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan dan Penyatuan) 1996	(Ruangan 141)
Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1996	(Ruangan 149)
Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 1996	(Ruangan 158)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 43)
--	--------------

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**Penggal Yang Kedua**  
**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  Haji Suhor bin Husin

### ***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 24hb. Disember, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**UNDANG-UNDANG NIKAH KAHWIN - PENYERAGAMAN**

1. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah akan diseragamkan undang-undang nikah kahwin di seluruh Malaysia. Bagaimana pandangan kementerian tentang kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam Johor, bahawa suami yang ingin berkahwin tidak mesti mengambil tandatangan isteri pertama. Dan bagaimanakah pandangan kementerian tentang masalah poligami di Selangor yang dibincang bersama dengan Menteri Besar Selangor.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang keluarga Islam negeri-negeri pada awal persetujuannya adalah seragam tetapi kemudiannya negeri-negeri telah membuat pindaan sendiri sedikit demi sedikit mengikut pandangan dan kesesuaian negeri. Oleh itu Kerajaan Pusat sedang berusaha untuk menyeragamkan semula dengan mencari suatu pendekatan yang difikirkan terbaik iaitu meminta persetujuan negeri-negeri supaya undang-undang keluarga Islam disusun semula keseluruhannya dengan mengambil kira

pandangan negeri-negeri. Usaha ini dibuat secara berperingkat mengikut keutamaan seksyen-seksyen.

Mengenai isu yang ditimbulkan mengenai tidak perlunya tandatangan isteri bagi kebenaran berpoligami, sebenarnya tidak ada apa-apa masalah kerana walaupun semua negeri tidak mensyaratkan tandatangan isteri dalam permohonan poligami, tetapi isteri tetap dipanggil ke mahkamah untuk dimaklumkan serta dipohonkan pandangan oleh hakim sebelum sesuatu permohonan poligami diluluskan.

Mengenai masalah poligami di Selangor adalah sama sahaja dengan negeri-negeri lain, tiada perbezaan, malah peruntukan mengenai poligami dalam undang-undang keluarga Islam negeri Selangor adalah sama dengan negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Kedah, Perlis dan lain-lain.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah prosedur yang sekarang ini wujud di negeri-negeri ini, bersangkutan dengan poligami ini, bercanggah atau tidak dengan tuntutan sunnah ataupun Al-Quran?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita berdasar kepada [*membacakan sepotong ayat Al-Quran*] kerana kalau sekiranya tidak ada kemampuan, maka lebih baik seorang. Jadi, berdasarkan kepada ini, kita hendak mendapatkan keadilan dan supaya perempuan tidak dipermain-mainkan sahaja, maka dalam Islam kita mestilah mencari jalan yang paling baik supaya sesiapa yang hendak berpoligami itu benar-benar akan memberi manfaat, bukannya memberi mudarat. Sebab, kedapatan Tuan Yang

di-Pertua, kadangkala orang lelaki ini dia hanya untuk memenuhi hawa nafsu tanpa mengira apakah tanggungjawab mereka terhadap isteri-isteri dan anak pada masa akan datang.

Sebab itulah Islam mengajak dan menyuruh kita supaya memikirkan mana yang paling baik. Sebab itulah, kita mengenakan sedikit peraturan supaya mudah-mudahan siapa yang berpoligami bukanlah sengaja untuk memenuhi nafsu mereka sahaja. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, dari segi ini kemungkinan saya tidak begitu mengerti. Kebelakangan dahulu saya pernah dengar apabila hendak kahwin dua boleh pergi ke negara jiran, jadi kalau dia pergi ke negara jiran tidak payahlah dia panggil perempuan yang ada di Malaysia ini, jadi benda ini boleh diteruskan dengan tidak diketahui isteri nombor satu, misalannya.

Jadi, adakah perkara ini dibuat lagikah dan bagaimana hendak mengesahkannya sebab minta maaf, saya tidak begitu mengerti fasal poligami ini, hanya yang saya tahu satu sahaja, itu sahajalah. *[Ketawa]* Jadi, memang patutlah kita tahu tetapi Yang Berhormat kalau boleh minta sedikit penjelasan, kalau boleh itu kita hendak beritahulah ini cara-caranya, kalau nikah di luar negara kita tidak boleh dah. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Zuki kerana mengakui dia memadailah dengan satu dan dia mungkin tidak menambah lagi. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada juga berlaku di antara rakyat kita yang

melakukan perkahwinan di luar negara kita terutama sekali di sebelah Selatan Thailand. Jadi, dari segi nikahnya adalah sah sebab nikah ini tidak perlu mesti mendapat surat kebenaran mengatakan dia ini sebagai begitu begini, asalkan dia lelaki dengan perempuan, dia bukannya dilarang untuk kahwin, maka kahwinnya sah.

Jadi, dari segi undang-undangnya ialah apabila dia berkahwin di luar negara dari segi pendaftaran. Sebab dia tidak didaftar di negara kita sebab kita mesti kahwin di sini daftar di sini. Jadi, dari segi peraturannya dia salah, jadi kita tidak menafikan perkahwinan dia, tetapi kalau dia balik ke mari dia akan didakwa dan dikatakan salah kerana dia tidak daftar dengan negara kita.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan iaitu adakah kerajaan bercadang untuk memberi pilihan kepada bakal-bakal isteri atau untuk mendapat pilihan di masa diakad nikah ataupun surat taklik supaya jika trakdirnya sisuami ingin beristeri lagi satu dan tidak membawa beliau berunding, maka gugurlah talak satu ke atasnya.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada ajaran yang membolehkan dalam Islam, dia yang tidak boleh kalau dia meninggalkan selama beberapa bulan tanpa memberi nafkah zahir dan batin, maka bolehlah dia mengadu kepada kadi jika bersabit kesalahannya bolehlah ditalak taklik.

Itu memang ada tetapi tidak ada di dalam perjanjian kalau sekiranya dia hendak kahwin dua, kalau dia tidak berunding terlebih dahulu, tidak mendapat

kelulusan isteri yang pertama maknanya kalau dia buat juga, bila kahwin - jatuh talak satu. Jadi, kita tidak boleh buat talak taklik sedemikian rupa bererti kalau awak kahwin seorang lagi, orang yang buat talak taklik ini orang laki-laki bukannya siisteri. Yang laki-laki itu berjanji kepada isteri, dia kata 'kalau awak keluar rumah pada hari ini, kalau isteri itu keluar rumah jatuhlah talak'.

Jadi, bukannya isteri mengatakan kalau sisuami keluar rumah hari ini jatuh talak sebab talak itu di tangan suami bukan talak itu di tangan isteri. Sebab itulah kita tidak boleh buat talak taklik sedemikian rupa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab soalan ini sangat digemari, maka saya pendekkan masa tambahan. *[Ketawa]*

Puan Mastika Junaidah binti Husin.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

#### **SISTEM SARAAN BARU (SSB) - CADANGAN BENTUK BARU**

**2. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem lain dari SSB bagi menilai kecekapan pegawai-pegawainya; dan
- (b) jika ia, apakah bentuk cadangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan yang telah diberikan kepada Dewan yang mulia ini pada 11hb. Disember 1996, kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik pelaksanaan skim Sistem Saraan Baru (SSB).

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini adakah kerajaan dapat memastikan bahawa pegawai-pegawai kerajaan dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan lebih berkesan daripada sebelum SSB dilaksanakan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mendapati pada umumnya skim Sistem Saraan Baru ini berjalan dengan memuaskan walaupun di beberapa tempat didapati ada kelemahannya iaitu dari segi pelaksanaan tetapi pada umumnya dan pada jangka panjang adalah di anggarkan ini adalah satu sistem yang memberi nilai yang baik khususnya dari segi dasar kita mengukur pendapatan dengan apa yang dikatakan more performance related pay, dengan izin.

### **AP @ LESEN MENGIMPORT KERETA MEWAH - JUMLAH YANG DIKELUARKAN SETIAP TAHUN**

**3. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah AP @ lesen mengimport kereta mewah yang dikeluarkan setiap tahun mengikut jenis-jenis kereta dan syarikat-syarikat serta jumlah yang diberi kepada mereka setiap tahun. Apakah sumbangan mereka yang mendapat AP ini kepada pihak kerajaan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3 dengan pembetulan sedikit 'jumlah AP bukan AJP'.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 65 buah syarikat bumiputera telah diberi kelulusan lesen import approved permit (AP) dengan izin, untuk mengimport sebanyak 8,137 unit kereta penumpang setahun.

Kelulusan peruntukan AP pada syarikat-syarikat ini diberikan sebelum kerajaan membekukan keluaran kelulusan baru pada tahun 1988. Pada masa yang sama kerajaan juga bersedia menimbang dan meluluskan permohonan baru lesen import bagi pengimportan kereta penumpang baru daripada mana-mana syarikat bumiputera yang mendapat francais dari syarikat principle di luar negeri bagi model yang belum lagi terdapat di pasaran Malaysia.

Berasaskan dasar ini kerajaan telah memberi kelulusan kepada 16 buah syarikat bumiputera yang mendapat francais yang diperuntukkan kuota lesen import bagi pengimportan 21 jenis kereta penumpang baru. Jumlah kuota yang diperuntukkan pada setiap syarikat ini dihadkan kepada 600 unit setahun bagi kereta penumpang baru.

Di antara model-model dibenarkan pengimportan itu termasuk kereta-kereta mewah seperti Jaguar, Rolls Royce, BMW, Mercedes Benz, Porsche dan lain-lain jenis model yang tidak dipasang oleh kilang-kilang pemasangan kenderaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan lesen import pada syarikat-syarikat ini bukannya berasaskan kepada sumbangan yang mereka berikan kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan mengharapkan supaya mereka menggunakan keistimewaan sementara yang diberikan ini dengan sebaik-baiknya supaya dapat menjadi usahawan yang berjaya.

Ini akan dapat membantu usaha kerajaan untuk meningkatkan penglibatan lebih banyak usahawan bumiputera dalam perdagangan kereta bermotor.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tiap-tiap seorang Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat diperuntukkan satu AP bagi mengimport kereta untuk kegunaan sendiri? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.  
*[Ketawa]*

**Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada banyak syarikat yang tidak berjaya terutamanya di Malaysia Timur yang telah memulangkan APnya, apakah kita boleh memohon AP dari syarikat-syarikat yang gagal itu? Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Seperti yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, hanya 65 buah syarikat bumiputera sahaja yang telah diberikan kelulusan lesen import AP dan setahu kita di bawah bidang kuasa kementerian dan penelitian kementerian bahawa 65 buah syarikat ini sedang menjalankan bisnes masing-masing dengan sempurna.

#### **LARANGAN IMPORT DAN EXPORT EMAS BAGI MENGATASI PENYELUDUPAN DADAH**

**4. Tuan Charern Intachat** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah pengimportan dan pengeksportan emas tidak dilarang di bawah bidang kuasa Akta Kastam atau Akta Pertukaran Wang Asing yang boleh menghalang aktiviti penyeludupan dadah dengan menyekat hasil dari jualan atau pengedaran dadah di negara ini dibawa keluar ke negara jiran di dalam bentuk emas dengan mudahnya.

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang keempat, saya pohon sedikit pembetulan di baris lima perkataan 'di bawah keluar' sebenarnya bawa keluar. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, kawalan pertukaran ke atas urusan emas telah dilonggarkan pada

tahun 1987 memandangkan emas tidak lagi menjadi sokongan kepada Ringgit maka emas menjadi komoditi yang boleh diurusniaga secara bebas dan diperolehi oleh orang ramai untuk sebarang tujuan.

Oleh itu, untuk menggunakan kawalan pertukaran wang bagi menyekat kebebasan pengaliran emas akan membawa kesan negatif terhadap ekonomi negara terutamanya pada masa ini Malaysia sedang giat membangun sebagai pusat perniagaan emas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyeludupan dadah setakat ini tiada bukti yang menunjukkan sebarang transaksi penyeludupan dadah berlaku di Malaysia di mana pembayaran dibuat dalam bentuk emas.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kalau pengawalan tidak di bawah Akta Kastam, siapakah yang mengawal berhubung dengan pengimport dan pengeksport pada masa ini yang boleh menjagakan keselamatan dan juga cara-cara yang boleh menyalahi dari undang-undang?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu komoditi yang bebas untuk diurusniagakan maknanya sesiapa yang hendak masuk import emas bolehlah dibenarkan berbuat demikian dan begitu juga kalau hendak dikeluarkan dan mungkin hendak dilaporkan kepada pihak-pihak tertentu, Bank Negarakah untuk tujuan rekod seperti yang benarkan Ringgit Malaysia dibawa keluar masuk Malaysia secara bebas.

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak kementerian sedar tentang tangkapan yang dibuat oleh pihak

kastam negara jiran iaitu Thailand tentang penyeludupan emas dari Malaysia ke Thailand.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mungkin perkara ini tidak begitu jelas sekali oleh kerana kita tidak mengenakan duti yang teruk ataupun yang berat kepada komoditi ini, maka kalau berlaku pun tidak begitu mendesak bagi pihak Kementerian Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.5.

**KAD PENGENALAN BARU -  
JUMLAH YANG BELUM MEMPERBAHARUINYA**

**5. Puan Kamilia binti Ibrahim [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sehingga kini berapa ramaikan rakyat Malaysia mengikut umur, yang masih belum memperbaharui kad pengenalan; dan
- (b) apakah punca kelewatan ini dan bagaimanakah cara pihak kementerian merancang untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga semalam iaitu 23hb. Disember, 1996 seramai 15,393,274 orang telah memohon untuk mendapat Kad Pengenalan Bermutu Tinggi. Jabatan Pendaftaran Negara

belum membuat kajian mengenai mereka yang belum menukar kad pengenalan mengikut pecahan umur.

- (b) Sebilangan besar mereka yang belum berbuat demikian mungkin kerana mereka masih berada di luar negara ataupun sama ada mereka terdiri daripada anggota polis dan tentera dan ada sebahagian lagi dalam beberapa hari ini telah sibuk-sibuk pergi beratur, entah berapa lagi jumlahnya kita masih tidak mengetahuinya.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kualiti kad pengenalan baru ini tidak memuaskan, lebih-lebih lagi pada musim hujan ini kalau kena air, air akan masuk dan gambar kita akan rosak. Saya rasa adakah pihak kementerian bercadang untuk memperbaiki mutu atau kualitinya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang telah pun membaiki kualitinya tiga tahun yang lalu iaitu pada satu ketika senang sangat pembalut itu kita keluarkan dan begitu juga kertas kad pengenalan itu. Tetapi, selepas tahun 1993, kita telah mempertingkatkan kualitinya.

Mengenai sama ada kualiti itu boleh rosak kalau hujan, saya rasa apa sahaja kalau kad yang bermutu tinggi pun kalau kena hujan pun dia akan rosak, eloklah kita jaga dengan baik supaya jangan kena air hujan.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah difahamkan bahawa pembaharuan kad pengenalan baru ini masih ramai yang tidak dapat melakukannya, yang terbanyak sekali di Sabah.

Baru-baru ini banyak ahli komponen Barisan Nasional di Sabah telah memainkan peranan untuk pergi ke kampung untuk membuat pembaharuan secara bergerak dengan pegawai daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Terdapat banyak sungutan terutama sekali dari orang-orang yang tua, yang melebihi 70 tahun dan yang uzur, yang juga tidak sempat untuk membaharui kad pengenalan mereka dan sebilangan daripada mereka juga ialah mungkin innocent of the law, dengan izin.

Jadi, apakah kementerian akan melihat perkara ini sama ada akan memberi tumpuan masa yang lebih sedikit khusus kepada orang-orang yang lebih tua ini dan juga yang uzur khususnya di pedalaman.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dalam operasi menukarkan kad pengenalan ini, jelas kita nampak ada satu trend atau satu sikap rakyat kita apabila kalau tempoh tarikh tamat itu masih jauh lagi, orang selalu menganggapnya sambil lewa sahaja. Pada 6 tahun yang lalu ini kita telah berulang kali suruh rakyat keluar menukar kad pengenalan, tetapi mereka bertindak lambat sehingga banyak kaunter itu tidak begitu sibuk. Dalam tiga bulan yang kebelakangan ini kita sudah kempen, sudah beri warning dengan keras, angka yang ingin menukar kad pengenalan naik begitu mendadak. Sebenarnya, kita boleh buat operasi ini dalam masa dua tahun pun boleh kerana purata dalam tiga bulan ini orang yang datang boleh sampai 500,000 satu bulan, dalam tiga minggu yang lalu ini hampir satu juta orang yang keluar untuk menukar kad pengenalan, maknanya kalau keadaan tidak mendesak, mereka tidak akan keluar.

Tetapi bagi keadaan di pedalaman dan orang-orang tua dari Sabah ini, kita tidak boleh pada masa ini memberi apa-apa kelonggaran kerana kita mahu semua orang menganggap serius sehingga hari terakhir kita lihat apakah sebab-sebab sebilangan orang yang masih tidak menukar kad pengenalan mereka. Kemudian kita kena lihat pula dari segi kes ke kes dari segi denda ataupun dari segi apa-apa hukuman yang akan dikenakan nanti, kita akan lihat kes ke kes secara mengikut keadaan. Tak boleh kita katakan awal-awal lagi: “Okay, longgarkan.” Jadi, semua orang tidak akan keluar untuk menukar kad pengenalan mereka.

#### **PEMBUANGAN SISA TOKSID - TINDAKAN KEMENTERIAN**

6. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan yang diambil tindakan kerana membuang sisa toksid pada tahun ini dan di manakah mereka ditemui berbuat demikian. Apakah langkah kementerian untuk pencegahan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato’ Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1996 sebanyak dua kes pelupusan haram buangan toksid telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman denda di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Kes-kes tersebut berlaku masing-masing di Butterworth, Pulau Pinang dan di Kulim, Kedah.

Di samping itu, terdapat juga satu kes yang sama berlaku di Klang dan ianya akan dihadapkan ke mahkamah tidak lama lagi.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mencegah dari berlakunya pelupusan haram buangan toksid adalah seperti berikut:-

- (i) mempertingkatkan kesedaran orang awam tentang bahayanya pembuangan sisa toksid kepada orang awam dan alam sekitar;
- (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang;
- (iii) meminda peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dengan mengenakan penalti yang lebih berat bagi kesalahan berkaitan dengan pelupusan haram buangan toksid; dan
- (iv) menahan kenderaan yang didapati terlibat dalam kes pelupusan haram.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mendengar bahawa pembuangan sisa toksid ini melalui kapal-kapal ataupun tongkang di laut. Tetapi bagaimana kalau sisa toksid ini dibuang di daratan ataupun di tanam di dalam bumi, adakah mendatangkan bahaya kepada tumbuhan atau binatang ataupun kepada manusia?

**Dato' Abu Bakar bin Daud** Tuan Yang di-Pertua, itu memang merbahaya kepada sesiapa sahaja makhluk. Jadi, mana-mana yang diberi maklumat dilaporkan kepada pihak yang berkenaan, pihak berkuasa akan ambil tindakan, kalau yang curi-curi itu wallahu 'alam.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah difahamkan bahawa penguatkuasaan bagi penjagaan alam sekitar ini tidak dapat dijalankan dengan baik kerana kekurangan pegawai penguatkuasa. Adakah masalah ini telah diatasi?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan lain, tetapi biarlah saya katakan bahawa memanglah kakitangan penguatkuasaan tidak cukup, usaha-usaha untuk menambahkan sedang giat dijalankan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendengar tadi pihak kementerian memberitahu bahawa orang ramai diberi kesedaran mengenai sisa toksid ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan mengenal pasti industri dan perusahaan yang ada di negara kita yang menghasilkan sisa toksid dan adakah kerajaan mengadakan Research and Development (R&D), mengkaji bagaimana pelupusan sisa toksid ini dapat dibuat sebaik mungkin dan adakah kerajaan mengadakan pendekatan atau memberikan extension kepada syarikat ini supaya mereka dapat mengawal dan melupuskan sisa toksid ini mengikut teknologi yang terkini dan terbaik?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada dan usaha untuk mengawal mereka dan lawatan yang dibuat oleh pegawai yang berkenaan ada di kilang yang ada menyimpan atau yang membuat kerja dengan sisa toksid ini.

## **RUMAH KOS RENDAH - PEMBINAAN OLEH KERAJAAN NEGERI**

7. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah kos rendah yang akan dibina oleh kerajaan-kerajaan negeri dan cara-cara kerajaan memastikan rumah kos rendah benar-benar dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh disasarkan sejumlah 60,000 unit rumah kos rendah akan dibina oleh kerajaan-kerajaan negeri dan lain-lain agensi kerajaan.

Bagi memastikan rumah kos rendah benar-benar dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah, kerajaan telah membentuk Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi memilih pembeli rumah kos rendah dengan lebih teliti dan berkesan lagi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bagaimana kedudukan rumah-rumah kos rendah yang dimiliki, yang mungkin pemiliknya adalah terdiri daripada mereka yang berkemampuan dan mereka menyewakan rumah kos rendah ini kepada penyewa-penyewa. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan dengan cara mengambil balik atau bagaimana?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya, jikalau kita boleh memastikan rumah kos rendah ini dimiliki oleh pembeli yang memang berkemampuan iaitu tidak mengikut sasaran kementerian atau kerajaan negeri, rumah itu memang akan dirampas balik.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sekarang ini telah pun dijalankan sistem pendaftaran secara berkomputer. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa kerapkah sistem ini di'up-date' kerana kemungkinannya ada mereka yang mendaftar pada hari ini, kemungkinannya layak untuk membeli rumah murah, tetapi kalau tidak di'up-date' selepas 4 atau 5 tahun mereka ini mungkin telah pun terkeluar daripada kelayakan untuk membeli rumah murah ini. Jadi, berapa kerap sistem komputer ini di'up-date'?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Pengendalian sistem ini kita terpaksa menyerahkan kepada pihak negeri masing-masing dan mengikut laporan yang kita dapati, banyak negeri yang sudah menggunakan sistem ini dengan berkesan dan baik iaitu mereka akan meng'up-date'kan 'list'nya dalam komputer. Pada satu hari nanti kita berharaplah semua komputer ini boleh di'link' kepada satu data based di peringkat kementerian supaya kita dapat membentuk satu master list seluruh negara supaya kita boleh check, kalau seseorang pemohon itu minta rumah di Johor dan kemudian meminta di Kedah dan seumpamanya, jadi kita boleh check orang ini sudah diberi peluang di Johor, kemudian yang di Kedah itu memang kita batalkan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Tan Sri selalu terlepas pandang pada saya, sebab saya duduk di tepi agaknya!

Soalan tambahan saya, setakat ini apakah program kerajaan terhadap projek-projek perumahan yang dibuat beberapa tahun dahulu yang sekarang ini

didapati tidak sesuai dari segi kedudukan dan dari segi bentuk rumah itu. Berapa banyakkah projek seperti ini yang telah dapat dikesan oleh pihak kerajaan seperti di bandar Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan sebagainya. Apakah program kerajaan terhadap projek-projek yang sebegini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Program untuk memperbaharui rumah itu?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang kita masih hendak cuba membina lebih banyak lagi rumah kos rendah. Oleh sebab itu buat masa sekarang hanya pihak Bandaraya Kuala Lumpur ada program untuk mengadakannya, kalau ada sesetengah flatnya atau rumah pangsa yang agak uzur, maka ia akan diperbaharuilah melalui program ini. Tetapi yang lain-lain negeri, buat masa sekarang kita masih tidak ada.

Untuk makluman Dewan ini, baru-baru ini Perdana Menteri telah menyarankan kepada kementerian dan juga kepada pihak negeri termasuk DBKL supaya kita boleh satu hari nanti membeli rumah-rumah kos rendah ini daripada pihak swasta, akhirnya disewa kepada golongan yang layak, yang berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk membeli rumah, tetapi mereka boleh menyewalah dari pihak agensi kerajaan. Kalau kita gunakan cara ini maka dilain hari bolehlah, kalau rumah itu dimiliki oleh pihak kerajaan atau agensi kerajaan, maka kita senang sedikit untuk meroboh dan membina yang baru. Begitu juga bangunan-bangunan yang sudah dianggap uzur dan tidak selaras dengan masa iaitu kita hendak menggunakan cara arkitek yang lebih

canggih, yang lebih cantik dan sebagainya. Itulah cara jangka panjang bagi kementerian ini.

### **SUKAN KOMANWEL 1998 - PERSIAPAN OLEH KERAJAAN**

**8. Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan Malaysia akan menjadi tuan rumah “Sukan Komanwel pada tahun 1998”:

- (a) apakah persiapan kerajaan untuk memastikan tahap pembersihan dan pengindahan Kuala Lumpur mencapai tahap yang terbaik; dan
- (b) berapakah anggaran peruntukan yang disediakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato'**

**Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Penjagaan kebersihan dan pengindahan bandar merupakan tanggungjawab utama setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun menjelang berlangsungnya Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 pada 11hb. hingga 21hb. September 1998, soal kebersihan dan pengindahan ini akan dipertingkatkan lagi oleh PBT khususnya PBT di mana terdapat venue-venue pertandingan di kawasan masing-masing seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Shah Alam, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Daerah Petaling, Majlis Daerah Sepang, Majlis Daerah Hulu Langat dan Majlis Daerah Langkawi.

- (b) Sebanyak RM10 juta peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus telah diluluskan oleh kerajaan bagi maksud ini dan ianya akan diagih-agihkan kepada PBT yang berkenaan bagi melaksanakan program kebersihan dan pengindahan bandar. Peruntukan tambahan ini akan digunakan bagi membiayai sebahagian kos pembelian lori-lori sampah dan tong-tong sampah.

Kerajaan juga bersetuju supaya peruntukan pembangunan di bawah B.7 - Jabatan Perdana Menteri dan B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan digunakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengindahan bandar, kerja-kerja landskap, membina medan selera, menaiktaraf jalan dan siar kaki, pengurusan tandas awam, parit dan longkang di mana butiran-butiran projek telah diluluskan di bawah RMK-7.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maklumat tambahan mengenai antara persiapan ialah mendaftar untuk pekerja-pekerja sukarela. Kalau boleh apakah maksud pekerja sukarela dan setakat mana perkembangan mengenai pekerja sukarela untuk Sukom ini?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya rasa luar daripada soalan pertama. Walau bagaimanapun saya akan menjawab.

Sebenarnya pendaftaran untuk pekerja sukarela ini adalah untuk remaja dan belia yang ingin membantu di dalam menjayakan Sukan Komanwel itu volunteers seperti menjual air atau untuk upacara pembukaan Sukan Komanwel kita perlukan kakitangan yang banyak. Buat masa kini pendaftaran begitu menggalakkan dan dijalankan oleh Sukom Berhad.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, akhir-akhir ini nampaknya Yang Berhormat Dato' Shahrizat begitu popular di kalangan setinggan-setinggan. Jadi, bagaimanakah cara kerajaan akan lakukan supaya program pengindahan ini, setinggan-setinggan ini tidak menjadi mangsa akibat daripada program pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Persediaan untuk Sukan Komanwel.

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu begitu menarik, merangkumi kedua-dua jawatan saya. Jadi, saya rasa rancangan pengindahan ini tidak akan menjejaskan keadaan setinggan yang ada, oleh kerana pihak kerajaan tempatan akan mengindahkan tempat-tempat yang sedia ada, dan ini tidak akan melibatkan residential atau perumahan yang sedia ada, apatah lagi setinggan-setinggan itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang puas hati bila dijawab pengindahan Kuala Lumpur ini tidak melibatkan setinggan, sebab setinggan itu sendiri berada di sekitar Kuala Lumpur. Kita tidak mahu pelawat-pelawat datang melihat, selepas itu bila keluar sedikit nampak setinggan. Jadi, sepatutnya kita mempunyai perancangan untuk

mengindahkan tempat-tempat setingga ini, sama ada dibuat penempatan semula dan sebagainya. Jadi, tidak boleh jawab tidak melibatkan setingga sedangkan setingga itu ada.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya salah sangka tentang soalan Ahli Yang Berhormat. Apabila dikatakan pengindahan bandar. Jadi, saya rasa bahawa ini menanam pokok dan sebagainya. Walau bagaimanapun, jika dimaksudkan pemindahan setingga-setingga yang ada, ini kita buat bukan hanya rancangan untuk Sukan Komanwel, tetapi satu perancangan jangka panjang yang diambil kira oleh pihak kerajaan, terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Memang kita hendak memindah setingga ini jika boleh sebelum Sukan Komanwel, oleh kerana kita hendak mereka yang datang mendapati bahawa negara kita ini tidak dihunikan hanya oleh pihak setingga.

## **RANCANGAN DAKWAH ISLAM DI MEDIA ELEKTRONIK - PERATUS SIARAN**

9. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapakah peratus rancangan siaran dakwah Islam yang disiarkan oleh media elektronik kerajaan dan swasta dan adakah peratusan yang ada sudah mencukupi; dan
- (b) tidakkah pihak kementerian bercadang mengadakan kuliah-kuliah yang lebih berkesan kepada masyarakat Islam melalui media elektronik, misalnya kuliah Fiqah, Tauhid atau Usuluddin yang bersiri seperti pelajaran Tajwid dan Al-Quran yang ada sekarang.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peratus rancangan bercorak agama Islam yang disiarkan melalui media elektronik kerajaan dan swasta ialah, siaran radio sebanyak 20%, siaran TV1 dan TV2 sebanyak 9% dan siaran TV3 sebanyak 6%. Kadar peratus rancangan bercorak agama ini walaupun masih kecil, tetapi begitu berkesan dan telah berjaya menarik minat pendengar-pendengar. Dari masa ke semasa rancangan bercorak agama ini akan ditambah khususnya oleh media elektronik kerajaan.

Rancangan-rancangan keagamaan bercorak dakwah Islamiah sememangnya disiarkan melalui media elektronik kerajaan dan swasta. TV1 menyiarkan bidang-bidang Fiqah, Tauhid, pelajaran Tajwid Al-Quran. Rancangan-rancangan yang berbentuk kuiz dan soal-jawab agama. TV3 menyiarkan ceramah *Al-Kulliyah*, manakala ceramah-ceramah dalam bidang yang disebut tadi juga disiarkan melalui semua stesen radio 3, RTM di seluruh negara.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berapa banyakkah program agama melalui TV yang ditaja oleh syarikat-syarikat swasta?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu secara tepat, saya mohon notis. Bagaimanapun secara rambang memang terdapat rancangan agama yang mendapat tajaan daripada pihak swasta.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada kaitan dengan pelajaran agama sama ada di radio atau di TV. Saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk mengajar semula tulisan Jawi melalui TV, sebab dahulu ada diajar, tetapi sekarang sudah tidak ada. Sebab ada kaitan, kerana pelajaran-pelajaran yang disiarkan di TV, kalau mereka tidak tahu tulisan Jawi, kadang-kadang memang susah hendak menerima apa yang telah diajar?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997 kementerian memang bercadang untuk mengadakan semula rancangan pelajaran mengajar tulisan Jawi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Zainal bin Md. Deros.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

#### **PENIAGA CURANG - TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH PENGUASA KEMENTERIAN**

10. **Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi** [*Di bawah S.O.23(2)*] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejak akhir-akhir ini Bahagian Penguatkuasa kementerian beliau jarang didengar bertindak ke atas peniaga-peniaga yang curang, jika ya, adakah bahagian ini masih terus aktif bertindak tanpa heboh dan publisiti melalui media massa.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab bagi pihak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa bertindak dan mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang gagal atau enggan mematuhi undang-

undang yang dikuatkuasakan dan juga mengeksploitasi pengguna melalui amalan-amalan perniagaan yang tidak beretika. Tindakan-tindakan yang diambil itu juga seringkali dijadikan bahan berita oleh media cetak dan media elektronik.

Dalam tahun 1996, iaitu sehingga 14hb. Disember, 1996 kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas 502,815 premis perniagaan di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan luar bandar berbanding dengan 403,659 pemeriksaan bagi tempoh yang sama dalam tahun 1995. Dari pemeriksaan yang dijalankan itu, seramai 5,793 peniaga telah diambil tindakan yang melibatkan rampasan barang-barangan bernilai kira-kira RM11.5 juta, yang mana 543 peniaga telah dihadapkan ke mahkamah dan didenda sebanyak RM705,495 ribu. Sementara 4,803 kes lagi dikompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM1.01 juta.

#### **JPJ - USAHA MEMASTIKAN KENDERAAN PERDAGANGAN DAN PENGANGKUTAN AWAM SELAMAT DIGUNAKAN**

11. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan cara bagaimanakah penguatkuasa JPJ dapat memastikan hanya kenderaan perdagangan yang selamat, berkeadaan baik dan cantik menggunakan jalan raya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan perdagangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan hanya kenderaan perdagangan yang selamat, berkeadaan baik dan cantik menggunakan jalan raya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan perdagangan, JPJ telah pun melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) memperketatkan lagi tahap standard, dengan izin, kelulusan pemeriksaan berkala kenderaan pengangkutan awam dan perdagangan yang dilaksanakan oleh PUSPAKOM setiap enam bulan sekali;

- (ii) menyediakan garis panduan untuk mengenal pasti kenderaan pengangkutan awam dan perdagangan yang buruk dan tidak memuaskan, tidak dibenarkan atas jalan raya.
- (iii) mengawal kemasukan kenderaan perdagangan, with condition, dengan izin, daripada negara lain dan membenarkan hanya kenderaan specialized vehicle; dan
- (iv) meningkatkan lagi operasi penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk mengesan kenderaan pengangkutan awam dan perdagangan yang buruk yang tidak selamat menggunakan jalan raya. Sekian.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah definisinya yang tepat terhadap kenderaan berkeadaan baik dan kenderaan berkeadaan buruk?

**Tuan Chor Chee Heung** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak sentuh tentang definisi satu-satu kenderaan, lebih baik kita dapat panduan daripada Akta Pengangkutan Jalan, di mana kaedah-kaedahnya iaitu sesebuah kenderaan dianggap selamat, cantik dalam keadaan yang baik adalah sebuah kenderaan yang sempurna dan selamat di jalan raya dan mematuhi segala spesifikasi yang ditetapkan di bawah kaedah pengangkutan jalan raya.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan dari Kementerian Pengangkutan, apakah Kementerian Pengangkutan mengetahui bahawa kenderaan seperti lori juga di'reassembly' di negara kita ini dan digunapakai di atas jalan raya dan saya lihat sendiri keadaannya amat mencurigakan kerana bahan-bahan komponennya telah dipakai atau used parts. Perkara ini berlaku sekarang

dalam negara kita. Apakah mereka ini juga dilesenkan di bawah assembly license?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kenderaan-kenderaan yang dikesan di'assembly'kan dalam negara kita terdapat dua jenis. Kenderaan dua jenis ini adalah memang kenderaan yang tidak dibenarkan untuk di'assembly'kan tetapi dibuat juga demikian. Jenis yang pertama ialah kenderaan-kenderaan yang dikenali sebagai lori-lori hantu yang digunakan hanya dalam ladang dan tidak dibenarkan untuk lalu di jalan raya. Satu jenis lagi ialah kenderaan yang di'assembly'kan oleh pihak-pihak yang tidak mempunyai lesen dan digunakan di jalan raya. Tetapi bagi kenderaan jenis yang kedua ini, kerajaan khususnya JPJ sedang mengambil perhatian. Bila kita mengesan, maka kenderaan ini akan disaman dan dirampas.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pandangan kerajaan tentang penguatkuasaan undang-undang oleh JPJ dan juga polis ini, dia lebih mirip ke arah menghukum dan mendenda orang-orang yang membuat kesalahan ataupun membimbing dan melatih bagi mengawasi keselamatan jalan raya? Sebab sekarang ini kalau pihak JPJ dan polis hendak kompaun, lebih baik tengok lori mana yang rosak di tepi jalan itu pergi ambil maklumat detail, daripada tahan lori/kereta yang lari laju, selepas itu hukum kompaun. Saya nampak sekarang ini kecenderungannya lebih menghukum, memerangkap daripada mendidik dan membimbing orang?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar-dasar Jabatan Pengangkutan Jalan melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan memang mementingkan kedua-duanya; satu, hukum; yang kedua, bimbingan. Memang kita dapati selepas usaha yang begitu banyak dijalankan melalui bimbingan, kempen-kempen pendidikan, jika perkara ini masih terdapat tidak dapat dikawal, maka satu lagi tindakan ialah melalui hukuman. Tidak dapat dinafikan dengan kedua-dua cara ini kita dapat melihat kesannya lebih baik daripada dahulu. Memang tidak sempurna lagi dan Kementerian Pengangkutan masih melalui pelbagai usaha supaya kita dapat mencapai satu tahap yang dapat dikawal oleh kerajaan dan satu tahap yang boleh dikatakan membanggakan kita semua.

#### **SUBSTESEN TNB PULAU PINANG MELETUP - LANGKAH PENYELENGGARAAN**

**12. Dato' P. Krishnan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan baru-baru ini terjadi satu letupan di substesen TNB di Pulau Pinang di mana seorang juruteknik telah meninggal dunia, apakah langkah-langkah penyelenggaraan yang dilaksanakan substesen yang lain di negara ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan amat prihatin akan perkara ini. Sebagai pembekal tenaga di Semenanjung, TNB sentiasa membuat kajian untuk menyediakan projek-projek penukaran infrastruktur sistem bekalan. Projek-projek penukaran kelengkapan

ke pencawang-pencawang termasuk penukaran alat-alat suis dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk menentukan keselamatannya. Di samping itu, TNB juga mengamalkan kaedah senggaraan berjadual dan senggaraan ramalan ke atas alat-alat suis untuk sistem 33 kv dan 11 kv yang dilakukan sendiri oleh tenaga kerja TNB. Dengan usaha-usaha tersebut adalah diharapkan supaya kemalangan dapat dielakkan dan sasaran zero accident, dengan izin, tercapai.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini berlaku bekalan elektrik terputus, setakat ini berapakah jumlah pampasan ataupun subsidi yang telah dibayar kepada orang awam?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak TNB tidak pernah membayar pampasan. Untuk membayar pampasan ini, mestilah diarah oleh pihak mahkamah supaya pihak TNB dibuktikan cuai, baru TNB akan membayar pampasan. Setakat ini, tiada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Ting Check Sii.

**Tuan Kan Kok Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

### **MAS - TIKET PENERBANGAN DI SARAWAK KEHABISAN SEMASA CUTI SEKOLAH/HARI RAYA/TAHUN BARU CINA**

13. **Tuan Kan Kok Kwan** [*di bawah S.O. 23(2)*] minta Menteri Pengangkutan menyatakan pada cuti sekolah dan musim perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina, penumpang-penumpang dari Sarawak menghadapi masalah untuk mendapatkan tiket perjalanan udara. Walaupun pihak MAS telah menambah bilangan penerbangan tetapi ini masih tidak mencukupi. Adakah kementerian beliau bercadang untuk membenarkan syarikat

penerbangan lain untuk membantu MAS menangani masalah tersebut pada cuti sekolah dan musim perayaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa cuti sekolah dan musim-musim perayaan, Kementerian Pengangkutan sememangnya membenarkan syarikat-syarikat penerbangan tempatan lain untuk mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan secara tidak berjadual bagi sektor-sektor tertentu, termasuk ke Sarawak sekiranya didapati bilangan-bilangan penerbangan yang disediakan oleh pihak MAS tidak dapat menampung permintaan yang wujud bagi sektor-sektor berkenaan.

#### **"HAND FREE TELEPHONE" - TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS PEMANDU KENDERAAN**

**14. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak kementerian memperkenalkan undang-undang "hand free telephone" berapa ramai pemandu kenderaan yang telah dikenakan tindakan undang-undang.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak perundangan melarang mengguna telefon bimbit ketika memandu dikuatkuasakan pada 12hb. Ogos, 1996, seramai 472 orang telah dikenakan tindakan undang-undang sehingga 30hb. September, 1996.

#### **HUKUMAN SEBAT KE ATAS PELUMBA HARAM - CADANGAN**

**15. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang mengenakan hukuman sebat ke atas pelumba-pelumba haram jika sabit kesalahan mereka.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberitahu dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengenakan hukuman sebat ke atas pelumba-pelumba haram jika sabit kesalahan mereka.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak didenda dengan sebat jadi apakah hukuman yang diberi, sebab lumba haram ini boleh dikatakan menjadi-jadi pada tiap-tiap hari Sabtu ataupun malam minggu?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, setakat ini pihak berkuasa masih menjalankan tindakan di bawah seksyen 42(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga seksyen 279, Kanun Keseksaan di samping akta-akta lain yang mungkin ada berhubung kait dengan kesalahan lumba haram.

Pada lazimnya, segala kesalahan dalam menganjurkan ataupun mengambil bahagian dalam lumba haram ini akan didakwa ke mahkamah dan akan didenda. Walaupun terdapat cadangan daripada Ketua Polis Negara, iaitu sebatan harus diadakan ataupun dilakukan terhadap orang-orang yang menganjur ataupun mengambil bahagian dalam lumba haram ini, tetapi buat masa ini kerajaan masih meneliti cadangan ini sama ada munasabah atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 16.

## GURU KAUNSELING DI SETIAP SEKOLAH - MENGADAKAN

**16. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh mana tindakan kementerian dalam menangani masalah pelajar melalui sesi kaunseling; dan
- (b) adakah kementerian bercadang mengadakan setiap sekolah di negara ini seorang atau lebih guru kaunseling bagi mengatasi semua persoalan remaja. Jika ya, bila dan bagaimana.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Masalah disiplin pelajar adalah sesuatu yang kompleks yang memerlukan kerjasama serta tindakan semua pihak untuk mengatasinya. Khidmat kaunseling hanyalah salah satu kaedah dalam usaha menangani masalah disiplin dan masalah lain yang dihadapi oleh pelajar-pelajar.
- (b) Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk melantik seorang atau dua orang guru kaunseling bagi setiap sekolah menengah mengikut bilangan pelajar atau bilangan kelas. Pada tahun 1996, Kementerian Pendidikan telah melantik seramai 947 orang guru kaunseling. Bagi tahun 1997, kementerian akan memastikan setiap sekolah menengah di negara ini mempunyai seorang guru kaunseling.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kaunseling ataupun 'guidance and counseling' ini, dengan izin, apakah kementerian tidak terfikir untuk memberi kaunseling kepada keluarga atau ibu bapa murid yang terlibat untuk lebih berkesan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana proses kaunseling ini selalunya mesti berterusan dan kebanyakan yang melanggar disiplin ini ialah pelajar-pelajar, maka sebab itulah guru ini mestilah guru kaunseling yang mengambil kira pelajar-pelajar yang bermasalah di sekolah-sekolah berkenaan.

Bagi ibu bapa, kita ada PIBG sekolah dan selalunya kita membuat perjumpaan sama ada mesyuarat PIBG dan sebagainya dan ketika ini pihak sekolah telah memberikan kedudukan sekolah sebenarnya mengenai masalah disiplin. Jadi, sudah tentu guru-guru yang berkenaan sentiasa memohon kerjasama supaya ibu bapa sedar tentang anak-anak mereka dan guru-guru sentiasa mengalu-alukan ibu bapa supaya datang ke sekolah untuk memerhati dan untuk menanya apakah keadaan anak-anak mereka di sekolah. Ini adalah satu cara yang kita buat sekarang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pada pandangan kerajaan yang manakah yang lebih berkesan di antara kaunseling yang berasaskan pengetahuan psikologi secara moden ataupun kaunseling yang berasaskan didikan agama memandangkan sekarang ini kalau kita banding sekolah-sekolah yang berasaskan agama lebih kurang masalah sosial daripada sekolah-sekolah biasa?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam usaha kita memberikan kaunseling kepada pelajar-pelajar ialah kita membetulkan supaya mereka mengikut nilai-nilai yang baik. Jadi, kita tidak kira dari segi mana. Agama memang mengajar kita supaya kita sentiasa berada dalam keadaan baik sebab itu keseluruhannya tidaklah begitu berbeza masalah sebab sekolah agama pun ada juga masalah yang kita hadapi tetapi pendekatan yang kita buat keseluruhannya salah satu cara ialah kita mengadakan sembahyang jemaah di mana-mana sekolah menengah dan rendah tanpa mengira sekolah itu sekolah agama ataupun bukan sekolah agama.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya kaunseling merupakan satu perkara yang penting dan perlu dipraktiskan oleh orang-orang yang mempunyai kepakaran dan kebolehan ataupun dilatih dalam bidang kaunseling. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, buat masa ini adakah guru-guru kaunseling yang hendak ditempatkan di setiap sekolah di negara kita mencukupi. Jika tidak mencukupi apakah usaha-usaha kerajaan untuk menentukan supaya mereka yang diberi tanggungjawab ini dapat menjalankan tanggungjawabnya melalui kepakaran dan kebolehan serta pendidikan yang dia ada?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sekarang bukan sahaja menghadapi kekurangan guru kaunseling bahkan kita juga kekurangan guru di dalam bidang-bidang yang lain terutama sekali di bidang sains, sebab itulah kita cuba mengatasi perkara ini serentak. Di samping kita meramaikan guru-guru dalam bidang mata pelajaran

tertentu, kita juga selain daripada kita mengambil guru yang ada supaya menghadiri kursus-kursus kaunseling, kita juga menentukan beberapa pakar tertentu yang mahir di dalam kaunseling, kemudian dia akan memberi kursus kepada guru-guru yang berkenaan supaya mereka diberikan mengenai ilmu kaunseling untuk digunakan di sekolah masing-masing.

### **POLISI PERTANIAN KEBANGSAAN - STRATEGI DAN PROGRAM**

17. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Pertanian menyatakan:
- (a) adakah strategi dan program di bawah polisi pertanian kebangsaan untuk mempercepatkan kemajuan sektor pertanian; dan
  - (b) adakah kementerian memberi keutamaan kepada sektor pertanian sebagai bidang komersial dan di dalam masa kecemasan berapa peratuskah stok makanan yang dapat disediakan oleh negara kita.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin**

**Taib]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Beberapa strategi dan program telah dinyatakan di dalam Dasar Pertanian Negara 1992 hingga 2010 untuk mempercepatkan kemajuan dalam sektor pertanian. Untuk mencapai hasrat ini kerajaan sedang meningkatkan pelaksanaan program-program pembangunan pertanian yang lebih agresif supaya sektor ini setanding dengan sektor lain. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti sistem pengairan dan saliran, tebatan banjir di ladang-ladang dan kompleks pendaratan ikan;
  - (ii) meningkatkan penggunaan jentera dan automasi bagi mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh;
  - (iii) penyediaan kemudahan perkhidmatan perkembangan kemanusiaan, kemudahan kredit pertanian dan pasaran;
  - (iv) menerokai dan mempromosi barangan hasil pertanian di dalam dan di luar negara;
  - (v) pengurangan komoditi terpilih yang bernilai tinggi seperti buah-buah tropika, bunga-bunga, hasil akuakultur dan laut dalam;
  - (vi) pembangunan sumber tenaga manusia; dan
  - (vii) meningkatkan pembangunan dan pendidikan.
- (b) Kementerian Pertanian memang sentiasa memberi keutamaan kepada sektor pertanian dibangunkan secara komersial. Untuk mencapai hasrat ini, kerajaan telah menggalakkan penanaman berskala besar melalui penyertaan syarikat-syarikat perladangan koperasi dalam bidang pengeluaran komoditi makanan. Bagi menggalakkan pihak swasta melabur dalam sektor ini kerajaan telah menyediakan tabung khas yang dinamakan Tabung Untuk

Makanan (3F). Di samping itu, kerajaan juga telah memberi insentif tambahan melalui elaun pelaburan semula kepada sektor pertanian yang dahulunya hanya dinikmati oleh sektor pembuatan untuk menarik lebih banyak lagi pelabur ke sektor pertanian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Mengapakah pihak kerajaan nampak seolah-olah begitu lambat dalam melaksanakan reformasi dalam sektor pertanian ini ke arah penggunaan sains dan teknologi sedangkan peruntukan yang diberi adalah begitu banyak sekali dan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Belanjawan baru-baru ini menyebutkan salah satu faktor yang menyebabkan imbalan bayaran kita tidak memberi kesan negatif adalah kerana pengimportan bahan-bahan makanan. Jadi, apakah perancangan yang konkrit dan segera yang dirancangkan oleh pihak kementerian dalam sektor pertanian?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pertanian adalah satu sektor yang mengambil masa yang panjang. Misalnya, penyelidikan yang telah diadakan, tanaman bahan makanan memberi masa panjang untuk menjalankan penyelidikan. Bahkan dari segi tanaman misalnya seperti papaya dan juga bunga-bungaan mengambil masa 4 - 5 tahun untuk memberi hasil yang baik.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui MARDI dan juga sektor-sektor lain telah memberi penyelidikan yang begitu dinamik sekali malahan, segala yang telah diadakan oleh MARDI telah dihebahkan kepada pihak swasta untuk

mengambil bahagian. Dalam hal ini, insya-Allah, kita akan cuba menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-petanyaan Bagi Jawab Mulut telah tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.18 Hingga 42 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila

tamat Mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato’Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:-

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 1996**

#### **Bacaan kali yang kedua**

**Dato’ Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan Tahun 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Seksyen 31(a) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa dalam mana-mana prosiding jenayah sesuatu pernyataan bertulis atau lisan yang dibuat oleh mana-mana orang yang dipertuduh atas satu kesalahan yang boleh diterima sebagai keterangan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis akan hanya boleh diterima sebagai keterangan jika keterangan tentang pernyataan itu diberikan oleh pegawai yang kepadanya penyertaan itu dibuat atau oleh orang tertuduh itu sendiri.

Peruntukan itu dimaksudkan untuk mengemukakan sebagai keterangan di mahkamah apa-apa penyertaan yang diberikan oleh seseorang orang tertuduh kepada seorang pegawai semasa penyiasatan kes dilakukan.

Walau bagaimanapun sekarang ini didapati bahawa peruntukan seksyen 31A itu telah ditafsirkan seolah-olah apa-apa penyertaan seseorang orang tertuduh kepada mana-mana orang lain sama ada sebelum atau selepas orang itu ditangkap atau walaupun pernyataan itu bukan pernyataan asing yang dibuat semasa siasatan tidak boleh dikemukakan sebagai keterangan.

Ini bukanlah apa yang dimaksudkan semasa peruntukan itu dibuat. Tafsiran yang dibuat tentang seksyen 31A itu juga nampaknya menidakkan kewujudan seksyen 60 yang membenarkan keterangan langsung yang diberikan oleh seseorang yang mendengar apa-apa pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh.

Oleh yang demikian adalah difikirkan wajar Akta Keterangan 1950 itu dikembalikan kepada kedudukan asalnya iaitu dengan memansuhkan seksyen

31A itu. Pemansuhan seksyen 31A ini adalah cuma satu-satunya pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**3.45 ptg.**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan dan seterusnya menyokong pindaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah amat dialu-alukan dan bertepatan pada masanya kerana perlunya pindaan ini dibuat untuk membolehkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dapat dibuat dengan lebih efisien dan dipertingkatkan tahap pendakwaan kes-kes jenayah di mahkamah.

Daripada rekod yang telah saya perolehi daripada satu sumber yang menyatakan bahawa dalam tahun 1970, di antara 100,000 kes mahkamah, kes jenayah adalah sebanyak 29,537 di dalam tahun 1980 ianya meningkat kepada

lebih daripada 74,000 ataupun mungkin kurang dan saya jangka dalam tahun 1990 peningkatannya juga adalah dengan kadar yang sama tinggi.

Adalah didapati bahawa kebanyakan kes yang dibawa ke mahkamah adakalanya tidak dapat disabitkan atau dihukumkan bukan kerana kecuaiian atau kurangnya bukti-bukti yang dikemukakan tetapi kadangkala ialah kerana peraturan-peraturan atau perundangan yang ada itu tidak dapat membantu kes-kes yang dibawa ke mahkamah itu untuk dihukum atau disabitkan sepertimana yang dibawa oleh pihak pendakwa.

Kita tahu bahawa dalam kes-kes jenayah adalah amat sukar kadangkala membawa bukti-bukti untuk dijadikan sebagai bahan-bahan yang membolehkan seseorang itu dapat mensabitkan atau mendapat membawa hukuman kepada pesalah dan untuk membolehkan sesuatu kes itu dapat disabitkan atau dapat dikatakan seseorang yang ditangkap itu bersalah, maka peruntukan dalam undang-undang itu adalah perlu juga dapat membantu. Kerana kita tahu bahawa Kanun Prosedur Jenayah adalah merupakan satu akta atau undang-undang yang digubal bagi tujuan untuk membantu Pendakwaraya memastikan bahawa keamanan negara dapat dilaksanakan untuk memastikan keselamatan rakyat dapat dipelihara dan ianya bukan bertujuan untuk menyusahkan atau menghindar daripada pihak yang mendakwa untuk mencapai matlamatnya. Tetapi sepatutlah ianya untuk membantu undang-undang utamanya iaitu Kanun Keseksaan yang menentukan jenayah-jenayah yang boleh dibawa ke mahkamah.

Justeru itu pindaan yang telah dikemukakan itu adalah pindaan yang sewajarnya dan sepatutnyalah kita mengalu-alukannya dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain hendak bercakap. Yang Berhormat Menteri menjawab.

**3.50 ptg.**

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puan Kamalia atas sokongan beliau kepada pindaan rang undang-undang ini.

Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, pindaan ini sebenarnya adalah satu pindaan yang kita berharap dapat membolehkan pihak pendakwa mencepatkan kes-kes jenayah yang masih belum diselesai setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini sebenarnya pun adalah satu pindaan yang sangat jelas iaitu kita cuma memotong satu seksyen iaitu Seksyen 31 dalam Akta Keterangan itu. Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.54 ptg.**

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Majlis ini membahaskan suatu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 bagi bacaan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan secara umum terhadap fasal-fasal dalam rang undang-undang yang dicadangkan untuk dipinda, dimansuhkan atau diwujudkan bagi mengemaskinikan Akta Imigresen 1959/63 yang sedang berkuatkuasa sekarang selaras dengan keadaan semasa.

Fasal 1 memperkatakan perkara-perkara tajuk ringkas termasuk kuasa menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasa akta ini.

Fasal 2 bertujuan meminda dan memansuhkan definisi-definisi yang digunakan sekarang iaitu menjelaskan takrif perkataan 'entry permit', memansuhkan perkataan 'reentry permit' dan menjelaskan perkataan 'senior Immigration Officer'.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 bagi meminda peruntukan tentang perlantikan Ketua Pengarah Imigresen dan Timbalan Ketua Pengarah bagi membolehkan perlantikan lebih daripada seorang Timbalan Ketua Pengarah Imigresen oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan ini juga menetapkan perlantikan Pegawai-pegawai Kanan Imigresen oleh menteri dan perlantikan Pegawai-pegawai Imigresen oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 10 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengenakan terma dan syarat apabila mengeluarkan permit masuk.

Fasal 7 bertujuan memansuhkan peruntukan permit masuk semula dalam seksyen 11. Peruntukan ini tidak lagi sesuai pada masa sekarang iaitu seseorang pemegang permit masuk perlu mendapatkan permit masuk semula sekiranya ingin keluar negeri dan masuk semula ke negara ini. Mengikut peraturan sekarang, pemegang permit masuk yang keluar negeri dan masuk tanpa permit masuk semula secara automatik akan hilang taraf penduduk tetapnya.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 22 bagi menjadikan mandatori kepada nakhoda tiap-tiap vessel yang tiba dan meninggalkan Malaysia mengemukakan dokumen-dokumen tertentu kepada Pegawai Imigresen termasuklah suatu akuan am mengikut Konvensyen Lalu Lintas Kelautan Antarabangsa 1965, dengan izin, *Appendix I to the Convention on the Facilitation of International Maritime Traffic 1965*. Peruntukan pada masa ini hanya menetapkan obligasi-obligasi tersebut apabila diminta sahaja.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 36 dengan mengenakan hukuman khusus ke atas orang asing yang masuk dan tinggal secara menyalahi akta buat kali kedua atau seterusnya iaitu orang-orang asing yang telah dikenakan tindakan pengusiran dan penghantaran pulang tetapi masuk semula secara haram. Hukuman yang dicadangkan ialah denda akan melebihi RM10 ribu atau penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh disebat tidak lebih dari enam kali.

Di dalam hal ini, sebat adalah tidak mandatori. Cadangan mengadakan hukuman sebat ini adalah sebagai deterrent kepada orang asing yang gemar masuk secara haram.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 48(1) untuk menjadi tanggungjawab kepada nakhoda, kapten, pemilik, penchater atau agen sesuatu vessel atau pesawat udara membawa balik penumpangnya ke tempat asal jika penumpang berkenaan terpaksa diusir dari Malaysia dalam tempoh 12 bulan, tetapi tidak mempunyai tambang pulang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil pihak kerajaan dikehendaki menanggung beban perbelanjaan untuk membiayai penghantaran pulang orang asing seperti yang dilakukan sekarang, sedangkan orang asing itu yang semasa memasuki negara ini disyaratkan memiliki tiket untuk pulang, return tickets, dengan izin, dan pihak syarikat pengangkutan atau penerbangan berkenaan telah pun mengutip bayaran daripada orang asing berkenaan.

Fasal 13 bertujuan memasukkan seksyen baru 48A untuk menjadikan orang yang terlibat di dalam kesalahan-kesalahan kerana membawa orang asing secara haram, menggaji dan melindungi pendatang tanpa izin (PTI) bertanggungjawab bagi perbelanjaan pengusiran orang asing yang dibawa masuk digaji atau dilindungi dari Malaysia.

Peruntukan ini diwujudkan bagi membolehkan kerajaan menuntut daripada orang-orang yang melakukan kesalahan membawa masuk, menggaji atau memberi perlindungan kepada PTI, kos penghantaran pulang PTI yang dibawa, digaji atau dilindungi. Pada masa ini majikan atau orang-orang melindungi PTI lepas tangan apabila pendatang tanpa izin (PTI) ditangkap dan kerajaan menanggung kos penghantaran pulang.

Fasal 14 bertujuan meminda seksyen 49A untuk memansuhkan had berat 75 tan bagi vessel yang boleh disita, ditahan dan dilucuthak dan

seterusnya membolehkan pesawat udara dan kenderaan juga boleh disita, ditahan dan dilucuthak oleh Ketua Pengarah Imigresen sama seperti tindakan yang boleh diambil ke atas vessel.

Pindaan ini bagi memperluaskan kuasa Ketua Pengarah Imigresen untuk merampas kapal yang melebihi 75 tan, kapal terbang dan kenderaan yang digunakan bagi membawa masuk orang asing secara haram.

Fasal 15 bertujuan meminda subseksyen 54(1) untuk memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal pentadbiran dan pengurusan depot Imigresen. Dengan pindaan ini depot Imigresen akan dapat ditadbir berdasarkan Akta Imigresen. Pada masa ini depot-depot ditadbir berdasarkan peraturan lokap sahaja.

Fasal 16, bertujuan memasukkan seksyen baru 55A, 55B, 55C dan 55D iaitu berhubung kesalahan membawa masuk orang-orang secara haram, menggaji PTI, hak pembelaan dan pemalsuan endorsement iaitu cop-cop Imigresen dan dokumen-dokumen Imigresen yang lain.

Seksyen 55A memperkatakan kesalahan-kesalahan kerana membawa masuk orang asing secara haram sama ada menggunakan kenderaan, vessel atau pesawat udara.

Bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini hukumannya adalah seperti berikut:

- (i) bagi individu yang melakukan kesalahan tersebut secara persendirian, denda tidak kurang daripada RM10 ribu tetapi tidak melebihi RM50 ribu dan penjara mandatori tidak kurang dari dua tahun, tetapi tidak lebih lima tahun serta

boleh disebat, tetapi sebat ini tidak mandatori tidak lebih enam kali - iaitu seksyen 55A(1);

- (ii) bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat ialah denda tidak kurang RM30 ribu tetapi tidak melebihi RM100 ribu - mengikut seksyen 55A(2);
- (iii) penjawat jawatan seperti anggota lembaga pengarah, pengurus, setiausaha atau kedudukan yang serupa dengannya dalam badan korproat yang melakukan kesalahan itu juga dikenakan hukuman iaitu denda tidak kurang RM30 ribu, tetapi tidak melebihi daripada RM100 ribu dan penjara mandatori tidak kurang 2 tahun, tetapi tidak lebih 10 tahun dan boleh disebat dan sebat ini tidak mandatori tidak lebih 6 sebatan - mengikut seksyen 55A(3); dan
- (iv) bagi kesalahan membawa masuk pendatang asing secara bersindiket ialah denda tidak kurang RM30 ribu tetapi tidak lebih RM100 ribu dan penjara mandatori tidak kurang 2 tahun, tetapi tidak lebih 10 tahun dan sebat mandatori tidak lebih enam kali, sebatan ini adalah mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 55B memperkatakan kesalahan bagi menggaji orang asing tanpa memiliki pas yang sah, hukuman bagi kesalahan ialah denda tidak kurang RM10 ribu tetapi tidak lebih RM50 ribu bagi setiap pekerja yang digaji atau diambil bekerja.

Bagi kesalahan menggaji lebih daripada 5 orang asing dikenakan hukuman tambahan iaitu penjara tidak kurang 6 bulan, tetapi tidak lebih daripada 5 tahun. Di dalam hal ini seksyen 55B(5) menetapkan apabila kesalahan menggaji PTI ini dilakukan oleh syarikat atau badan korporat, penjawat jawatan juga dikenakan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 55C memperkatakan hak pembelaan bagi penjawat jawatan dalam syarikat atau badan korporat seperti ahli lembaga pengarah, pengurus, setiausaha dan sebagainya atas alasan kesalahan berlaku tanpa pengetahuan atau telah mengambil langkah-langkah munasabah bagi menghindar berlakunya kesalahan tersebut.

Seksyen 55D memperkatakan kesalahan memalsukan atau mengubah sesuatu endorsement atau dokumen yang digunakan sebagai visa, permit, pas atau sijil. Hukuman bagi kesalahan ini ialah denda tidak kurang RM30 ribu tetapi tidak lebih RM100 ribu dan penjara mandatori tidak kurang 5 tahun tetapi tidak lebih 10 tahun dan sebat mandatori tidak lebih 6 kali.

Kesalahan yang dilakukan oleh sindiket yang memalsukan dokumen amat serius. Mereka ini yang mementingkan keuntungan bukan sahaja boleh mengancam keselamatan negara, tetapi boleh menimbulkan keraguan orang ramai terhadap endorsement dan lain-lain dokumen Imigresen. Perbuatan keji ini juga ada kalanya telah menganiayakan orang-orang yang menggunakan endorsement atau dokumen palsu tersebut tanpa pengetahuan yang endorsement atau dokumen yang digunakan itu adalah palsu. Oleh yang demikian, adalah

wajar mereka ini dikenakan hukuman yang berat atas kegiatan mereka yang terkutuk itu.

Fasal 17 bertujuan meminda subseksyen 56(1) dengan memansuhkan perkataan 'knowingly' bagi kesalahan berhubung memberi perlindungan kepada pendatang tanpa izin. Ini bagi memudahkan tindakan pendakwaan kepada mereka yang melakukan kesalahan.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 59 untuk memperuntukkan bahawa hak untuk didengar atau right to be heard, dengan izin yang tidak diberikan juga meliputi perintah yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak.

Fasal 19 bertujuan menggantikan seksyen 59A dan mengadakan peruntukan yang keputusan-keputusan yang dibuat oleh menteri atau Ketua Pengarah Imigresen dan pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak di bawah akta ini tidak membolehkan kajian semula oleh mana-mana mahkamah kecuali bagi persoalan mengenai pematuhan prosedur.

Fasal 20 memperkenalkan seksyen baru bagi membolehkan Ketua Pengarah Imigresen memberi ganjaran kepada seseorang bagi maklumat-maklumat yang tertentu, yang diberikan berkaitan dengan penahanan dan pendakwaan kesalahan di bawah akta. Di dalam hal ini imbuhan yang dicadangkan bukan untuk maklumat sebarang, tetapi adalah maklumat yang mempunyai nilai intelligent, dengan izin intelligence value sahaja mengikut yang difikirkan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah mengamalkan dasar liberal terhadap kemasukan warganegara asing bagi tujuan pelaburan, pengajian,

pelancongan, business, lawatan sosial dan sebagainya. Dalam hal ini pengurusan warganegara asing perlu lebih berkesan bagi mengelak pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan daripada dasar liberal tersebut.

Beberapa peruntukan dalam Akta Imigresen 1959/63 yang sedang berkuatkuasa sekarang perlu dipinda, dimansuhkan dan digantikan dengan peruntukan baru seperti yang telah dijelaskan tadi bagi mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat dalam akta sekarang, khususnya dari segi untuk menangani secara berkesan masalah-masalah yang timbul bukan sahaja oleh pendatang tanpa izin, tetapi juga oleh pendatang-pendatang yang sah.

Permasalahan pendatang asing adalah merupakan isu utama berhubung dengan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri pada masa ini. Peruntukan yang terdapat dalam akta sekarang didapati tidak mencukupi bagi menangani kegiatan sindiket membawa masuk PTI dan sindiket membawa dan mengedar, endorsement dalam dokumen-dokumen Imigresen palsu. Pindaan ini perlu bagi memastikan masalah kehadiran warganegara asing tidak menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat.

Akhirnya, pindaan ke atas Akta Imigresen 1959/63 ini diharap dapat memberi sumbangan kepada wawasan negara untuk mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, adil dan makmur yang diidamkan oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 dibentangkan

dalam Majlis ini bagi bacaan kali yang kedua dan dibahaskan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada bahasan. Tidak ada bahas?

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 22** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR  
JENAYAH (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

**4.15 ptg.**

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1996 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27hb. Julai, 1996, Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes Arulpragasam a/l Sundaraju dan Pendakwaraya telah memutuskan dengan majoriti 4-3 bahawa standard pembuktian yang diperlukan pada penutup kes pendakwaan bagi mewajarkan mahkamah memanggil orang tertuduh membela dirinya, ialah pembuktian kes melepasi keraguan yang munasabah atau *beyond reasonable doubt*. Itulah taksiran Mahkamah Persekutuan bagi peruntukan dalam Seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah bagi perbicaraan di Mahkamah Tinggi yang mengatakan bahawa dengan izin, “The court, if it finds that no case against accused has been made out which if

unrebutted, would warrant his conviction shall record in order of acquittal.”

Ungkapan yang sama terdapat dalam perenggan F, seksyen 173 Kanun itu bagi perbicaraan di Mahkamah Rendah.

Kes Arulpragasam ini telah mengubah standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan sebagaimana yang diputuskan dalam kes-kes di Malaysia berikutan dengan keputusan Privy Council dalam kes *Haw Tua Tau* pada 22hb. Jun, 1981. Dalam kes itu, Privy Council membincangkan Seksyen 188(1), Kanun Prosedur Jenayah Singapura yang sama peruntutannya dengan seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah Malaysia. Privy Council memutuskan bahawa dengan izin, “at the conclusion of the prosecution’s case what has to be decided remains a question of law only. As decider of law, the judge must consider whether there is some evidence (not inherently incredible) which, if you were to accept it as accurate, would establish each essential element in the alleged offence. If such evidence is lacking, then and only then if he is justified in findings “that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction”, within the meaning of section 188(1). Where he has not so found, he must call upon the accused to enter for his defence. And as decider of fact must keep an open mind as to the accuracy of any of the prosecution witnesses until the prosecution has tendered such evidence, if any, by the accused or other witness as it may want to call and council on both sides have addressed to the judge such argument and commend on the evidence as they may wish to advance.”

Antara kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dan Mahkamah Persekutuan di Malaysia yang mengikut keputusan dalam kes *Hua Tua Taw* itu ialah kes *Ragunathan v. Pendakwaraya* sebagaimana yang dilaporkan dalam 1982(1 MLJ-139).

Kes *Munusamy v. Public Prosecutor* yang diputuskan dalam tahun 1987 dan kes *Junaidi bin Abdullah v. Public Prosecutor* yang diputuskan dalam tahun

1993. Walau bagaimanapun, pada 24hb. Disember, 1993 dalam kes Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor, Mahkamah Agung Malaysia telah memutuskan untuk tidak mengikut keputusan Privy Council dalam kes Haw Tua Tau dan kes Rangunathan, Munusamy dan Junaidi, sebaliknya ia telah memutuskan bahawa apabila pihak pendakwa menutup kesnya, mahkamah hendaklah membuat penilaian maksimum tentang keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan pertuduhan terhadap orang tertuduh itu hingga tiada apa-apa keraguan yang munasabah, iaitu *beyond reasonable doubt*. Ini adalah ujian yang sama seperti yang diputuskan oleh majoriti hakim dalam kes Arulpragasam. Namun demikian, pada 9hb. November, 1995 dalam kes Tan Boon Kean v. Public Prosecutor, Mahkamah Persekutuan telah kembali mengikut keputusan dalam kes Haw Tua Tau. Sebagaimana yang dinyatakan tadi, kedudukan ini tidak lama kerana pada 27hb. Julai, 1996 kes Arulpragasam telah diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kes Haw Tua Tau telah diikuti bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Singapura, di Brunei dan di New Zealand. Prinsip yang dinyatakan dalam kes itu juga telah dipakai di Australia. Adalah jelas bahawa di negara-negara Komanwel yang berjiran dengan Malaysia, standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan bagi mewajarkan mahkamah membuat keputusan untuk memanggil orang tertuduh membuat pembelaan iaitu standard *prima facie*, bukan standard *beyond reasonable doubt*, seperti yang diputuskan dalam kes Arulpragasam. Kerajaan berpendapat bahawa tidaklah

wajar Malaysia mempunyai standard yang berbeza daripada standard yang terpakai di negara-negara Komanwel yang berjiran dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kes Arulpragasam membawa implikasi yang berbeza pada pihak pendakwa dan orang tertuduh. Dari satu segi, standard *beyond reasonable doubt* pada akhir kes pendakwaan akan mewujudkan penilaian setakat pada peringkat itu dan akibatnya akan lebih mudahlah orang yang sebenarnya bersalah, lepas daripada pertuduhan dan oleh itu lepas daripada hukuman. Jika ini berlaku, keadilan tidak akan tercapai. Dari segi yang lain pula, apabila mahkamah sudah membuat keputusan pada penutup kes pihak pendakwa bahawa pihak pendakwa sudah mengemukakan keterangan yang dapat membuktikan pertuduhan terhadap orang tertuduh sehingga tiada lagi keraguan yang munasabah, maka sukar untuk dibayangkan bagaimana orang tertuduh itu akan dapat membangkitkan keraguan yang munasabah bagi menyangkal kes yang sudah terbukti sedemikian. Hasilnya ialah apabila orang tertuduh dipanggil membela dirinya, besar kemungkinan apa-apa juga yang dikemukakannya dalam pembelaannya tidak akan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah. Ini juga tidak akan menghasilkan keadilannya.

Kerajaan berpendapat wajarlah kepentingan masyarakat dan kepentingan mangsa sesuatu jenayah diseimbangkan dengan kepentingan orang tertuduh dengan memastikan bahawa standard pembuktian di peringkat penutup kes pendakwaan standard ialah standard *prima facie*.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang utama yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini ialah kepada seksyen 180 yang merupakan peruntukan

yang dipertikaikan dalam kes Arulpragasam. Peruntukan ini memperkatakan standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan di Mahkamah Tinggi. Fasal yang berkenaan dalam rang undang-undang ini ialah fasal 4. Oleh sebab standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan di Mahkamah Rendah adalah sama, maka perenggan 173(f) yang mengandungi peruntukan yang berkenaan juga perlu dipinda. Fasal yang berkenaan dalam rang undang-undang ini ialah fasal 2(c).

Selain itu, bagi memperjelaskan bahawa terdapat dua jenis standard pembuktian di dua peringkat dalam sesuatu perbicaraan kes jenayah di Mahkamah Tinggi, iaitu standard *prima facie* pada penutup kes pendakwaan dan standard *beyond reasonable doubt* pada akhir keseluruhan kes, maka adalah dicadangkan supaya satu seksyen baru, iaitu seksyen 182 dimasukkan ke dalam Kanun Prosedur Jenayah. Cadangan itu terkandung dalam fasal 6 rang undang-undang ini.

Adalah juga dicadangkan supaya perenggan (m) dalam seksyen 173 kanun itu dipinda bagi mencapai tujuan yang sama berkenaan dengan perbicaraan di Mahkamah Rendah. Ini dicadangkan dalam fasal 2(g).

Tuan Yang di-Pertua, selain pindaan-pindaan yang berkaitan dengan standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan dan pada penutup keseluruhan kes, beberapa pindaan lain juga dicadangkan dalam rang undang-undang ini supaya prosedur perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Rendah lebih seragam. Antara pindaan dalam kategori ini ialah seperti yang dicadangkan dalam fasal 2(b). Pindaan yang dicadangkan dalam fasal itu ialah pindaan kepada perenggan (c) seksyen 173 untuk menjelaskan

bahawa pihak pendakwa bebas untuk menentukan saksi yang manakah yang akan dipanggil dahulu dalam perbicaraan di Mahkamah Rendah.

Pindaan bagi maksud penyeragaman ini juga dicadangkan kepada perenggan (j), seksyen 173 supaya jika orang tertuduh dipanggil membela dirinya di Mahkamah Rendah dan dia memilih untuk memberikan keterangan sebagai saksi, keterangannya hendaklah diberikan dahulu sebelum dia memanggil orang lain. Pindaan ini terkandung dalam fasal 2(f).

Adalah juga dicadangkan supaya peruntukan dimasukkan ke dalam perenggan (j), seksyen 173 dan dalam subseksyen (ii) seksyen 178 supaya jelas bahawa sekiranya seseorang mengaku bersalah, maka pengakuannya itu hanya boleh direkodkan jika mahkamah berpuas hati dia benar-benar tahu implikasi pengakuannya itu dan memang benar dia hendak mengaku bersalah. Pindaan-pindaan ini terkandung dalam fasal 2(f) dan fasal 3 rang undang-undang ini.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan hanya merupakan pindaan penggubalan dan juga pindaan-pindaan yang kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menaruh penuh harapan bahawa pindaan yang dicadangkan ini akan dapat mengembalikan keseimbangan antara kepentingan orang tertuduh dengan kepentingan masyarakat dan kepentingan mangsa jenayah.

Kerajaan berharap bahawa sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, mahkamah tidak lagi mentafsirkan peruntukan seksyen 180 dan perenggan (f) seksyen 173 Kanun Prosedur Jenayah sebagai bermaksud bahawa, pada penutup kes pendakwaan, apa yang harus dilakukan olehnya ialah menilai sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kesnya, sehingga

melempi tahap keraguan yang munasabah, seperti yang dilakukan dalam kes Arulpragasan.

Kerajaan juga berharap agar mahkamah mengambil ingatan pesanan Lord Diplock seperti yang dipetik oleh Yang Arif Hakim Tan Sri Azmi dalam kes Arulpragasan iaitu, dengan izin:

*“A statute passed to remedy what is perceived by Parliament to be a defect in the existing law may in actual operation turn out to have injurious consequences that Parliament did not anticipate at the time the statute was passed;... But if this is the case it is for Parliament, not for the judiciary, to decide whether any changes should be made to the laws as stated in the Acts”.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato’ Azmi bin Khalid:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Yim Chee Chong.

**4.35 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa puas hati sudah mendengar Dato’ Chong Kah Kiat mengemukakan pindaan undang-undang ini. Beliau adalah begitu menyeluruh, begitu jelas menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apa sebab kerajaan berniat untuk meminda undang-undang ini iaitu standard of proof dalam perbicaraan jenayah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya selama lima tahun menuntut ilmu undang-undang di United Kingdom, saya dapati bahawa the sources of the law iaitu punca undang-undang mengikut Orang Putih adalah, pertama, sources of law adalah dari Common Law, kedua, adalah dari judges, Tuan Hakim make law, dia orang buat undang-undang dan ketiga, Parlimen. Parlimen boleh membuat apa sahaja undang-undang. Parlimen juga boleh meminda apa sahaja undang-undang mengikut sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita macam negara Komanwel yang lain. Parlimen adalah supreme, boleh iaitu adalah Parlimen Agung.

Pada hemat saya, mahkamah ataupun Magistret, Tuan Hakim semuanya adalah manusia biasa. Kadang-kadang pandangan mereka yang buat keputusan dalam sesuatu kes yang dibicarakan di tempatnya, kadang-kadang keputusannya betul, adil dan saksama. Akan tetapi ada juga Tuan Hakim, pandangan mereka salah belaka, tidak begitu adil dan saksama dan tidak tahu the intention of Parliament, intention of Parliament adalah sangat mustahak kepada semua hakim bukan sahaja dalam negara kita ini bahkan juga di seluruh Komanwel, the intention of Parliament to interpret the law.

Kadang-kadang Tuan Hakim mengantuk, dia tidak begitu fasih tentang undang-undang, the intention of Parliament, kadang-kadang buat silap. Saya sudah menjadi lawyer selama sepuluh tahun, mengikut undang-undang saya boleh dilantik sebagai seorang Tuan Hakim Mahkamah Tinggi. Tetapi, mungkin juga keputusan saya salah, mungkin juga keputusan saya betul tetapi semasa saya menjalankan tugas saya apa saya ingat, adil dan saksama, kadang-

kadang silap. Tidak lama dahulu, saya mengatakan ada Tuan Hakim, magistrat juga boleh dibayar dengan wang, to bribe the judge. Ada magistrat yang melarikan diri kerana polis hendak tangkap dia kerana rasuah. Jadi, keputusannya adalah tidak begitu adil, memihak kepada suatu pihak yang membayar kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, standard of proof adalah sangat mustahak sama ada orang yang kena tuduh itu dibebaskan atau dipenjarakan. Ini adalah sangat mustahak, ini adalah berkenaan dengan prinsip keadilan undang-undang. Dato' Chong Kah Kiat tadi mengatakan ada dua standard of proof iaitu prove *beyond reasonable doubt*, dengan izin dan juga *prima facie*, dua standard of proof. Mana satu yang lebih adil dan saksama. Selama lima tahun saya menuntut di England, standard of proof adalah prove *beyond reasonable doubt*. Undang-undang Orang Putih di UK bukan tidak baik, oleh kerana undang-undang itu baik, jadi sebab itu saya sudah membelanjakan sebanyak RM100,000 untuk menuntut di situ. Tetapi, kadang-kadang undang-undang standard of proof out dated, tidak begitu memuaskan, mempunyai kelemahan, sekarang kita ingin up dated the law supaya undang-undang itu lagi adil dan saksama kepada orang yang kena tuduh di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1968 saya juga dituduh di Mahkamah Sesyen di Seremban kerana tuduhannya saya mempunyai risalah, quotation Chairman Mao Tze Tung, Mao Tze Tung sudah dua puluh tahun meninggal dunia. Beliau adalah seorang pengerusi Parti Komunis China - mengatakan saya mempunyai risalah, tetapi risalah itu bukan saya yang punya, kemudian

saya dibebaskan oleh mahkamah. Kalau Tuan Hakim itu tidak adil dan saksama, saya mungkin dipenjarakan selama lima tahun.

Jadi, saya berpendapat standard of proof adalah sangat penting. Ketika saudara dibawa ke mahkamah untuk menghadapi perbicaraan, apakah perasaan saudara? Ataupun saudara ditangkap di dalam lokap ataupun di dalam jel, apakah perasaan saudara? Saya juga berada di dalam lokap Balai Polis Seremban selama 41 hari. Maaf, semasa saya berada di lokap, saya ingat apakah keadilan masyarakat? Di manakah letaknya keadilan masyarakat? Saya inginkan keadilan.

Pada masa dahulu, saya tidak tahu undang-undang. Saya tahu bahasa Malaysia sebab saya asyik belajar Bahasa Malaysia. Saya bawa dictionary bahasa Melayu di dalam poket saya. Bila senang, saya baca. Orang baca buku, saya baca dictionary. Niat saya hendak menuntut di Universiti Malaya di dalam bidang Sastera Melayu, tetapi semasa saya di dalam lokap, mula-mula saya ingin belajar Sastera Melayu untuk mempereratkan hubungan orang Cina dan orang Melayu, tetapi sesudah 41 hari saya di dalam lokap, saya sedar keadilan undang-undang.

Jadi, saya pun ingat hendak jadi lawyer. Semasa itu saya menjadi lawyer bukan hendak mencari wang, tetapi semasa itu menjadi lawyer tidak ada wang banyak sebab penjualan rumah - sign purchase agreement tidak banyak. Itu bukan mencari wang. Saya menjadi lawyer sebab hendak menegakkan keadilan masyarakat, hendak menolong.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Haji Zuki minta laluan. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Yakah? Ini Dato' lawyer.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sahabat baik saya. Semasa dia di lokap selama 41 hari, bagaimana layanan pihak polis terhadap dia?

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, layanan terhadap saya macam mana? Saya ingin mengatakan, hari itu ketika saya kena tangkap, saya dimarahi oleh seorang ASP - Special Branch "Apa...you berjuang untuk orang miskin?" Dia bertanya. Saya dimarahi olehnya. Beberapa hari kemudian ada seorang mata-mata ambil sebatang kayu. Dia kata, "You cakap, dokumen ini siapa punya dan siapa punya stamp?" Oh, dia hendak pukul saya. Itulah layanannya. *[Ketawa]*

Saya kata, "Itu bukan barang saya. Kalau dokumen saya, saya mengaku saya punya, tetapi bukan saya punya." Dia pukul saya dan saya pun cakap, bukan saya punya. Kemudian orang lain cakap, "Oh, tidak apalah, tadi orang itu sangat garang. Tidak apa, saya orang baik." Dia bercakap baik dengan saya. Ha, itulah layanannya!

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini mempunyai dua standard of proof. Pertama, proof *beyond reasonable doubt*. Beratus tahun prinsip ini diamalkan di United Kingdom dan juga di Komanwel serta di negara kita ini oleh kerana negara kita ini pernah diperintah oleh Orang Putih. Satu standard of proof juga

adalah *prima facie*. Oleh kerana dua mahkamah mempunyai dua standard of proof, ada juga tuan hakim mempunyai pandangan masing-masing. Ada yang suka goreng pisang, ada yang suka goreng mee hun. Tiap-tiap pandangan orang tidak sama.

Jadi, Tuan Hakim ini mengatakan standard of proof adalah proof *beyond reasonable doubt*. Mahkamah yang lain dia kata *prima facie*. Mana satu yang baik? Mana satu yang lebih adil dan saksama? Apakah pandangan saudara?  
[Ketawa]

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** [Bangun]

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada orang minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta sahabat saya.....janganlah kata saudara, biarlah dia mengadap Tuan Yang di-Pertua dan bercakap "Tuan Yang di-Pertua". Jadi, hujah itu selalu kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan kepada "saudara" macam saya ini. Minta maaf.

**Tuan Yim Chee Chong:** Oleh kerana saya tanya pandangan saudara Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, jadi saya pandang kepada saudara.

Tuan Yang di-Pertua, dua standard of proof. Mengikut pandangan saya, proof *beyond reasonable doubt* adalah out dated. Yang updated adalah *prima facie*. Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat telah menyatakan dengan jelasnya dalam bahasa Malaysia dan juga di dalam bahasa Inggeris. Kita sedar cadangannya untuk meminda undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat mengatakan pindaan ini adalah untuk kepentingan masyarakat dan untuk

kepentingan orang kena tuduh di mahkamah dan ia adalah untuk menegakkan keadilan di sisi undang-undang. Saya setuju pandangan beliau. Saya mohon menyokong cadangan beliau supaya kita akan dapat menegakkan keadilan di dalam mahkamah. Orang yang tidak bersalah itu harus kita bebaskan. Ada juga mahkamah dan Tuan Hakim yang menghukum orang yang tidak bersalah. Ada juga yang memenjarakan orang yang tidak bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kita yang senantiasa berjuang untuk keadilan. Oleh kerana itu, saya mohon menyokong pindaan undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Dijemput pihak menteri menjawab.

**4.47 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan saya iaitu Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong atas sokongan beliau kepada pindaan undang-undang ini.

Di sini saya tertarik hati atas satu lecture yang begitu menarik yang diberikan oleh Yang Berhormat itu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang biasa yang kita hanya bentangkan di dalam Dewan ini oleh kerana kerajaan mendapati bahawa di Mahkamah kita masih mempunyai keraguan di antara para hakim untuk

mentafsirkan kes-kes jenayah yang sepatutnya secara biasa menggunakan *prima facie* selepas kes pendakwaan iaitu it is in fact, a long establish practice.

Rang Undang-undang ini cuma jelas membezakan dua standard pembuktian iaitu pada penutup kes pendakwaan satu standard, iaitu standard *prima facie* dan pada akhir kes pembela atau pada akhir kes keseluruhan satu standard iaitu *beyond reasonable doubt*.

Pendek kata, rang undang-undang ini bertujuan untuk memperuntukkan tahap pembuktian kes *prima facie* pada akhir kes pendakwa, manakala tahap pembuktian melepasi paras keraguan yang munasabah iaitu *beyond reasonable doubt* merupakan tahap pembuktian pada akhir kes pembela iaitu 'at the end of the case'.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong. Sekian.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.55 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon men-cadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan jenayah syariah dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sehingga kini masih menerima pakai peruntukan-peruntukan kesalahan yang terkandung di dalam enakmen pentadbiran hukum syarak negeri Selangor 1952.

Di bawah enakmen tersebut telah memperuntukkan sejumlah 26 seksyen yang menerangkan mengenai kesalahan-kesalahan syariah. Memandangkan bahawa enakmen tersebut adalah undang-undang lama dan kandungannya tidak mencukupi maka adalah perlu satu undang-undang yang baru bagi menggantikan peruntukan yang sedia ada. Tambahan pula kadar hukuman yang dikenakan di bawah enakmen ini adalah tidak bersesuaian dengan keadaan sekarang. Rang Undang-undang ini terbahagi kepada lapan bahagian dan mengandungi 58 seksyen.

Bahagian I mengandungi tajuk ringkas, mula berkuatkuasa rang undang-undang ini, pemakaian dan tafsiran yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.

Bahagian II pula memperuntukkan kesalahan-kesalahan berhubung dengan akidah. Ini termasuklah kesalahan-kesalahan yang melibatkan pemujaan, doktrin palsu, dakwah agama dan dakwaan palsu.

Bahagian III pula menerangkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama dan institusi agama. Ini termasuklah menghina agama Islam, mempersendakan Al-Quran dan Hadis, menghina pihak berkuasa agama, engkar perintah mahkamah, mengajar tanpa tauliah, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan bahan-bahan agama yang bertentangan dengan hukum syarak, tidak menunaikan sembahyang Jumaat, tidak menghormati bulan Ramadan, tidak membayar zakat fitrah, menghasut meninggalkan kewajipan agama, berjudi dan minum minuman yang memabukan.

Bahagian IV pula menerangkan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan. Ini termasuklah perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, liwat, musahaqah, khalwat, lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Bahagian V pula mengandungi pelbagai peruntukan kesalahan-kesalahan yang boleh dilakukan oleh orang Islam. Ini termasuklah memberi keterangan maklumat atau pernyataan palsu, takfir, memusnahkan ataupun mencemarkan masjid dan surau, memungut zakat dan fitrah tanpa kebenaran, membayar zakat dan fitrah secara tidak sah, menggalakkan maksiat, memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan yang sudah bernikah hidup sebagai suami

isteri, menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, melarikan perempuan, menjual atau memberikan anak kepada orang yang bukan Islam, qazaf dan penyalahgunaan tanda halal.

Bahagian VI pula membincangkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penyubahatan dan percubaan melakukan sesuatu kesalahan.

Bahagian VII pula mengandungi peruntukan-peruntukan yang dianggap sebagai satu pengecualian atau pembelaan di bawah rang undang-undang ini. Ini termasuklah perbuatan seorang hakim yang bertindak secara kehakiman, perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah mahkamah, perbuatan yang dilakukan oleh seorang yang mempunyai justifikasi di sisi undang-undang, perbuatan kanak-kanak yang belum baligh, perbuatan seorang yang tidak sempurna akal dan perbuatan orang yang terpaksa oleh sebab ugutan.

Bahagian VIII pula menerangkan peruntukan-peruntukan am di dalam rang undang-undang ini. Ini termasuklah penetapan pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan, kuasa mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabit ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan, kuasa mahkamah untuk mengkomitkan perempuan yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan dan pemansuhan pemakaian peruntukan-peruntukan kesalahan di bawah enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952.

Kesimpulannya dengan adanya rang undang-undang ini akan dapat mengemaskinikan peruntukan undang-undang kesalahan yang sedia ada di samping membolehkan kadar hukuman yang dikenakan di bawah undang-

undang lama dinaikkan kadarnya seiring dengan kadar yang telah ditetapkan di bawah Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan jenayah syariah dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

**5.00 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kita dan juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Maran iaitu Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri yang telah sehari-hari

bersama-sama dengan kita menjawab pula soalan-soalan berkenaan dengan pendidikan. Saya rasa beliau ini mana jabatan pun dia sesuai, sama ada Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri, bahagian sosial dan sebagainya. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini memang tepat dan kena pada masanya kita bahas dan kita luluskan di Parlimen, sebab negara kita adalah negara Islam, dengan melihat kepada sistem dan keadaan sekarang ini, wajar bagi kita memikirkan, membincangkan, membahaskan, perkara-perkara berkaitan dengan Islam.

Pelbagai masalah sosial contohnya selalu kita dengar masalah bohsia, khalwat, lesbian, homoseksual, dengan izin, membuang bayi begitu berleluasa di negara kita sekarang ini. Persoalannya di sini, adakah wajar kita sebagai sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi dan kebanyakan penduduknya adalah terdiri dari orang Islam, masih gagal untuk mendidik rakyat kita dengan panduan hidup yang murni selaras dengan ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, isu di sini adalah sama ada Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996 ini lengkap dari segi fasal, dari temanya dan khususnya dari segi kesusilaan itu.

Cuba lihat fasal 20 sampai 29. Saya tidak hendak menyentuh semuanya, kalau saya sentuh semuanya nanti kemungkinan Dewan kita ini akan bersidang pada bulan April, seperti kata Tuan Yang di-Pertua tidak boleh ditangguhkan persidangan kita ini melainkan habis semua urusan, maknanya kalau pukul

12.00 malam, kalau mengikut hari ini habislah - masuk hari besok, bolehkah kita teruskan besok, sebab besok Krismas. Kalau kita tidak meyambut Krismas pun kawan-kawan kita menyambut Krismas seperti yang dari Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit sahaja sebab banyak sangat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri hari ini menjawab, jadi kita beri Yang Berhormat rehat sedikit.

Mengenai Fasal 23(1) tidak jelas apabila dia mengaitkan tentang lelaki, persoalan di sini sama ada ia termasuk lelaki Islam dan bukan Islam, tetapi undang-undang awal mengatakan undang-undang ini dipakai untuk orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan itu jelas. Tetapi yang menjadi persoalan ia tidak jelas di sini apabila timbul kes-kes yang membabitkan lelaki bukan Islam, ini saya tidak puas hati. Contohnya dalam kes khalwat, apakah mereka boleh dibicarakan di bawah mahkamah sivil. Di sini mereka sudah pasti tidak boleh dibicarakan, jikalau dibicarakan Tuan Yang di-Pertua, beri bilangan berapa orang yang bukan Islam, yang dibicarakan di mahkamah sivil sekarang ini? Saya tidak terbaca dan tidak dengar, kalau saya tidak baca, mungkin saya tidak baca surat khabar pada hari itu, tidak terdengar sebab tidak ada kawan-kawan saya yang bercerita dengan saya. Di sini sudah pasti mereka tidak boleh dibicarakan di bawah mahkamah syariah sebab mereka bukan orang Islam dan undang-undang ini terpakai kepada orang Islam sahaja, yang bukan Islam tidak terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, di sini timbullah ketidakadilan dalam pelaksanaan undang-undang di negara kita. Saya mengambil contoh, di negara Sudan

misalannya orang-orang bukan Islam boleh memilih sama ada untuk dibicarakan di mahkamah sivil atau mahkamah syariah. Ia ada mahkamah umum ataupun mahkamah biasa yang membicarakan orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam yang memilih dengan hati yang terbuka untuk hendak dibicarakan di dalam mahkamah syariah boleh dibicarakan dalam mahkamah syariah. Dia diberi hak dan kebanyakan kepada orang-orang yang bukan Islam, memilih untuk dibicarakan di dalam mahkamah syariah, sebab apa? Sebab keadilan undang-undang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita terfikir untuk membuat cara ini? Negara Sudan kalau melihat dari segi pembangunan dan kemajuan negara kita adalah lebih maju lagi. Ini adalah pilihan diberi tidak sekali-kali memaksa.

Fasal 24 - di sini tidak terang, kalau kita hendak baca, sebab Yang Berhormat sahabat saya yang di sebelah kanan baru masuk [*kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin*] kemungkinan dia tidak tahu apa yang saya cakapan tadi.

Fasal 24, saya buka sedikit berkenaan dengan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan 'persetubuhan luar nikah', tidak terang di sini. Apa dia persediaannya? Jenis persediaan apa hendak disediakan, adakah mengadakan sebuah rumah di mana peralatan rumah yang lengkap telah diadakan, boleh disabitkan, jadi ini tidak begitu terang. Kalau tidak terang itu, kita terangkan lagi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri bolehlah menjawab apa juga persediaan yang patut dilakukan, yang boleh disabitkan sebagai jenayah dalam rang undang-undang ini.

Fasal 35, di dalam persoalan membabitkan, menggalakkan maksiat. Ini termasuk mendorong dan juga menganjurkan. Di sini definisi tersebut tidak jelas. Apabila kita menyebut tentang menggalakkan maksiat bermaksud

perkara-perkara yang berkaitan dengan pelacuran dan video lucu. Kita hendakkan perkara ini diterangkan lagi supaya kehendak Parlimen bila perkara ini dibawa kepada mahkamah dan dapat dihakamkan oleh mahkamah dengan begitu jelas. Isu di sini sama ada nyanyian misalannya, lagu dari artis tempatan atau luar negara, contoh seperti konsert Michael Jackson dan Scorpion yang kita dengar, tetapi saya tidak tengok, ia telah menarik ribuan penonton lelaki dan perempuan. Ini telah menggalakkan pergaulan bebas, lepak dalam aspek negatif seperti mabuk selepas konsert, adegan televisyen juga banyak menunjukkan adegan berahi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, sahabat kita semua tahu berahi. Misalnya Yang Berhormat Tuan Ng tahukah tidak berahi? Kalau sudah tahu, saya harap Setiausaha Parlimen akan menerangkan perkataan-perkataan seperti itu. Adegan televisyen sudah banyak menunjukkan adegan berahi. Adakah kita boleh mengatakan mereka cuba untuk menarik masyarakat kita agar terjebak ke kancan jenayah ini, kalau dia menunjukkan itu? Adakah ini menggalakkan? Adakah ini menganjurkan? Persoalan ini adakah semua ini boleh dikategorikan di bawah definisi menggalakkan, mendorong dan menganjur maksiat. Adakah denda RM5 ribu atau tiga tahun penjara itu setimpal dengan apa yang telah dilakukan oleh orang-orang tersebut? Ini satu persoalan.

Fasal 51, menyatakan bahawa tidak menjadi kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum baligh lagi. Persoalan di sini ialah mengenai definisi 'baligh'. Di sini cukup umur adalah mengikut hukum syarak. Kebanyakan lelaki cukup apabila dalam lingkungan 15 tahun atau dia mimpikah, mana satu yang cepat. Di sini apakah akan terjadi jika terdapat kes-kes seperti rogol dan liwat yang membabitkan mereka yang berumur kurang

daripada 15 tahun dan belum baligh. Apakah akan jadi kepada mereka? Mengikut Fasal 51, perbuatan mereka itu bukanlah satu kesalahan. Jika mereka akan terlepas daripada kesalahan yang mereka lakukan, di sini rombakan perlu dilakukan agar kanak-kanak yang melakukan kesalahan serius tidak terlepas dari hukuman.

Sebagai perbandingan, kita lihat undang-undang di negara Kuwait, muka surat 8 - kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh bacakan. Berhubungan dengan tindak laku kanak-kanak yang mumaiyiz dan belum mumaiyiz - Setiausaha Parlimen tahu makna itu. Walaupun ia menimbulkan perbezaan antara dua golongan ini, sepertimana yang berlaku dalam Fiqah Islam, namun ia berbeza dengan tindak laku kanak-kanak yang mumaiyiz dengan tidak mengikut tindak lakunya kepada keizinan dari walinya atau kebenaran yang dia kini sudah mencapai umur baligh sepertimana yang disebut dalam Fiqah Islam. Bermakna ada peruntukan bagi yang belum baligh dan belum cukup umur.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak katakan di sini secara ringkas ialah apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum baligh akan dipertanggungjawabkan ke atas ibu bapa dia. Ibu bapa akan menerima kesalahan itu, kelakuan anaknya.

Tuan Yang di-Pertua, qazaf, nombor 41. Di sini, kesalahan mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan empat saksi lelaki adalah melakukan kesalahan, dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5 ribu atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-

dua sekali. Oleh itu, hendak cuba menangkap orang berzina ini memanglah susah - 4 saksi.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Tentang satu segi mengatakan ibu bapa menerima kesalahan itu. Mungkin Yang Berhormat tidak tahu ramai ibu bapa senantiasa menasihatkan anak-anaknya berbuat baik, berkelakuan baik. Tetapi anak yang nakal ataupun anak yang jahat itu tidak dengar. Adakah adil kepada ibu bapa kerana menerima kesalahan yang dilakukan oleh anak-anaknya itu. Minta jawab. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya ini tidak mengikut apa yang saya bercakap tadi. Yang saya sebut tadi, apa yang berlaku di Kuwait, bukan berlaku di sini. Jadi, dia tidak mengikut apa yang saya berucap tadi. Tidak mengapalah, Tuan Yang di-Pertua, kita maaf dialah. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, balik kepada zina, susah sangatlah kalau hendak mengikut cara ini, hendak menangkap orang berzina, empat orang kena menjadi saksi. Kalau hendak menilik empat orang sekali pun tidak dapat. Jadi, sebenarnya hukum Islam ini amat baik sekali. Empat orang ini menyaksi terang-terang. Misalnya, dia minta dengan izin, di padang misalannya, baru empat orang boleh nampak semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini saya hendak bangkitkan, yang tidak jelas di sini ialah tentang kriteria saksi lelaki. Yang empat saksi tadi kita sudah terima. Tetapi dari segi empat orang, saksi menurut hukum syariah mestilah dia beragama Islam, dia warak. Di dalam bil ini tidak menjelaskan tentang jenis lelaki itu, dia tidak menerangkan. Kita bimbang saksi-saksi terdiri dari orang yang fasiq, yang melakukannya bukan atas dasar kesedaran. Tetapi bertujuan untuk menjatuhkan maruah agama Islam atau untuk membalas dendam. Ini yang kita takut sekali.

Jadi, saksi empat orang ini apa jenisnya. Kalau macam Yang Berhormat dengan saya boleh jadi saksi barangkali. Baru dua orang, hendak dua orang lagi. Kalau seorang itu selalu misalannya tidak pergi ke mesjid, bolehkah? Tidak boleh saya rasa. Kalau dia itu - Yang Berhormat ini boleh saya rasa. *[Ketawa]* Yang tua tentu boleh sekalilah. Yang lain wallahu wa'lam. Yang Berhormat ini memang tidak boleh. *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan Ding Seling hendak minta masuk dalam golongan yang boleh. Dia tidak boleh sebab dia tidak beragama Islam. Kalau masuk agama Islam barangkali boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi pula berkenaan dengan berjudi dan minuman arak. Telah jelas undang-undang menghalang orang Islam dari berjudi dan minuman arak. Ini jelas sekali. Tetapi apa yang berlaku dalam masyarakat Islam kita sekarang masih ramai yang berjudi, yang membeli nombor-nombor ekor, walaupun terdapat papan tanda yang melarang mereka dari membeli. Siapa yang dipersalahkan ini? Siapa yang bertanggungjawab

ini? Adakah pihak agama ataupun pihak polis ataupun kita semua? Di sini, apa yang lebih penting ialah penguatkuasaan. Siapa yang hendak salahkan penguatkuasaan ini? Adakah kerajaan, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen? Itu wallahu-wa'lam. Kita perlu bertegas dalam mengatasi masalah judi ini. Begitu juga dengan minuman yang memabukkan, kita mesti tegas.

Ramai masyarakat Islam di Malaysia yang minum minuman keras terutama di disko-disko dan pusat hiburan tanpa sebarang tindakan diambil. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya kena keras sedikit, sebab Yang Berhormat Tuan Yim, kawan saya berucap keras, saya terikut juga. Tetapi minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidaklah kepada Yang Berhormat Tuan Yim dan Yang Berhormat Tuan Ng, dan Yang Berhormat Dr. Yau, ini tidak kena. Ini undang-undang untuk orang Islam sahaja. Tetapi kalau bawa kereta dalam keadaan mabuk.....

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, nama saya bukan 'Yin', tetapi 'Yim' - Y-i-m. Minta pembetulan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya boleh panggil 'Yim' tetapi 'Yin' itu cembung sedikit, dekat sedikit, rapat sedikit rasanya, jadi saya suka panggil 'Yin'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ramai masyarakat Islam di Malaysia yang minum minuman keras, sepertimana yang saya katakan tadi, di disko-disko, pusat-pusat hiburan tanpa apa tindakan. Jadi, kepada siapa tanggungjawab ini, Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen? Kita perlu melarang pengusaha daripada menjual minuman tersebut kepada masyarakat Islam. Kita mesti tegas dan kuatkuasa mesti dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang saya sentuh yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya suka mengingatkan kepada kerajaan bahawa di mahkamah-mahkamah syariah sekarang ini berkurangan sangat peguam-peguam syarie. Tiap-tiap negeri mempunyai undang-undang sendiri untuk mengambil peguam-peguam syarie untuk bertindak mewakili pelanggan di mahkamah-mahkamah syariah. Syaratnya ada dua; satu, dia biasanya mestilah lulus undang-undang di universiti Islam dan kadang-kadang setengahnya dia tidak mengikut di negeri-negeri lain, dia temuduga sahaja dan menyoal peguam-peguam ini. Kalau dia dapat menjawab, dia akan didaftarkan sebagai peguam syarie di negeri-negeri di Malaysia.

Dan di Wilayah Persekutuan ini peguam yang bukan Islam pun boleh mewakili orang-orang Islam di Mahkamah Syariah, kalau saya silap, tolong betulkan, Yang Berhormat. Tetapi dia tidak macam peguam biasa. Kalau peguam biasa, kalau dia lulus daripada Bar, kita buat chambering di Kuala Lumpur sahaja. Kalau lulus LLB di England, di Australia, kena balik ke sini, kena masuk ambil certificate CPL. Sudah lepas CPL, kemudian pergi ambil chambering.....

**Seorang Ahli: CLP!**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** CLP. Nama pun saya sudah lupa, sebab jarang digunakan oleh orang-orang lain yang lulus daripada universiti-universiti yang saya katakan tadi. Kalau lulus, misalannya UKM - undang-undang, tidak payah ambil CLP, terus ambil chambering. Tetapi bagi kita yang peguam macam saya ini, kalau saya hendak menjadi peguam syarie, saya kena ambil diploma di universiti Islam dan tidak tentu cara-cara untuk hendak melatih.

Jadi, mereka yang hendak menjadi peguam syarie ini maknanya mestilah memasuki kursus 6 bulan dahulu sebelum mereka ini dilantik. Oleh itu, kurang sangat sekarang ini peguam syarie dan undang-undang ini akan digunakan di Mahkamah-mahkamah Syariah dan peguam-peguamnya sangat berkurangan. Bagaimanakah kita hendak menjalankan tanggungjawab kita untuk mengadakan satu pengadilan yang baik di dalam Mahkamah Syariah? Ini masalahnya yang ketara sangat berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah ucapan saya berkenaan dengan rang undang-undang ini. Sekali lagi saya menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh pihak kerajaan sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

**5.24 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan

Rang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996.

Saya juga turut mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah dapat membentangkan rang undang-undang ini untuk diteliti di Parlimen. Bagi saya, Mahkamah Syariah adalah sebuah badan kehakiman di negara kita di samping Mahkamah Sivil. Ini saya kira kita semua tahu. Saya berpandangan bahawa Mahkamah Syariah di negara kita patutlah dijadikan salah sebuah alternatif kepada badan kehakiman di negara kita dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi supaya peluang-peluang untuk mendapat keadilan daripada Mahkamah Syariah di negara kita dibuka sebagaimana yang berlaku di negara Sudan.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengkaji keadaan badan kehakiman di negara kita. Seperti juga Mahkamah Sivil, saya kira Mahkamah Syariah masih lagi menghadapi masalah-masalah di mana kes-kes yang bertimbun. Dalam soal-jawab Parlimen kita mendengar bahawa banyak kes yang tidak dapat diselesaikan dalam Mahkamah Sivil. Begitu juga yang berlaku dalam Mahkamah Syariah, banyak masalah dan juga perkara yang berlaku, kes-kes yang berlaku tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya pihak kerajaan dalam komitmen untuk mewujudkan Mahkamah Syariah sebagai sebuah badan kehakiman yang berwibawa hendaklah benar-benar memberi perhatian dan dapat mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya hendak minta laluan, dengan izin. Saya masuk tadi agak lewat, saya hendak dapat kepastian, yang mana satu rang undang-undang yang kita bahaskan ini? DR.49/96 atau DR.50/96?

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** DR.49/96.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua telah pun memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan rang undang-undang ini saya memohon kepada pihak kerajaan supaya dipertingkatkan kemampuan Mahkamah Syariah. Segala infrastruktur, keperluan tenaga manusia, kepakaran dan sebagainya perlu dipertingkatkan. Kita jangan meletakkan Mahkamah Syariah sebagai badan kehakiman yang kedua. Saya mengambil peluang membahaskan rang undang-undang dan menyebutkan perkara mahkamah ini kerana tidak bercadang untuk bangkit dalam rang undang-undang yang akan dibincangkan sebentar lagi iaitu mengenai mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini iaitu menyelaraskan hukum-hukum syariah di seluruh negara. Saya amat tertarik dengan Rang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996 yang dibentangkan. Saya kira ini adalah satu prosedur yang telah pun dikaji, diselidik walaupun ada kelemahan-kelemahan yang telah pun ditegur oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi.

Tetapi walau bagaimanapun, apa yang dibentangkan kepada kita di Parlimen pada hari ini, di Dewan Negara ini, saya kira patut menjadi contoh kepada mahkamah-mahkamah syariah di negeri.

Apa yang kita faham di negara kita hal ehwal agama di bawah negeri-negeri. Kita tidak mempunyai penyelarasan di dalam hukum-hukum syariah dan juga tidak mempunyai penyelarasan di dalam fatwa-fatwa di negara kita. Saya faham perkara ini di bawah bidang kuasa negeri, tetapi walau bagaimanapun, saya berpendapat supaya perkara-perkara ini dapat diselaraskan, dapat ditubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menyelaraskannya di negara kita kerana hukum-hukum yang berbeza-beza, fatwa yang berbeza-beza akan menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam. Kita tahu pembahagian negeri-negeri yang ada di negara kita ini selain daripada sejarah yang menentukan, adalah peninggalan daripada penjajah di mana agama telah pun diletakkan di bawah negeri.

Saya tidak berhajat untuk menyentuh bahagian agama ini yang telah termaktub di dalam Perlembagaan, tetapi saya kira pentingnya penyelarasan. Apa yang ingin saya tekankan di sini, penyelarasan dari segi hukum syariah dan juga penyelarasan mengenai fatwa-fatwa harus diselaraskan dan usaha ini harus dilakukan bersungguh-sungguh oleh pihak kerajaan. Walaupun tidak dapat dilakukan pada hari ini, tetapi usaha-usahanya harus diusahakan sebagaimana yang telah kita mendengar jawapan-jawapan daripada pihak kementerian dalam beberapa soal-jawab, sama ada dalam sesi ini ataupun sesi-sesi yang kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini kita mendapati bahawa hukuman-hukuman di atas kesalahan-kesalahan telah pun dipertingkatkan sejajar dengan taraf hidup masa kini. Saya mengalu-alukan hukuman-hukuman yang telah pun ditentukan dalam rang undang-undang ini kerana pada masa-masa yang lalu kita dapati mereka yang bersalah di dalam kesalahan-kesalahan syarie ini memandang begitu remeh

denda dan juga hukuman yang dikenakan. Kita berharap dengan adanya peraturan ini, denda-denda yang dikenakan angkanya agak besar dan juga bersesuaian dengan keadaan sekarang ini akan dapat sedikit sebanyak membendung kegawatan masalah sosial di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga mengenai penguatkuasaan dan tangkapan. Saya tidak tahu adakah kita mempunyai tenaga manusia (manpower) yang cukup untuk melaksanakan penangkapan dan penguatkuasaan? Kerana kita lihat di rata-rata, sama ada di bandar ataupun di desa, masalah-masalah yang melibatkan kesalahan-kesalahan dalam undang-undang syarie ini berlaku dengan berleluasa seolah-olah tidak ada kawalan. Kita berharap kepada pihak kerajaan supaya penguatkuasaan dan juga pengawalan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya pergi melawat ke Pulau Besar, dekat Melaka, sebuah pulau pelancongan. Di Pulau Besar itu ada kubur yang difahamkan iaitu kubur bekas keturunan diraja ataupun kesultanan yang ada di situ. Saya dapati kubur ini telah digunakan sebagai tempat pemujaan. Semasa pergi ke sana juga ada orang-orang yang bukan Islam datang membawa gaharu atau cendana untuk membuat pemujaan di kubur yang berkenaan.

Saya merasa amat sedih kerana kubur ini adalah kubur orang Islam tetapi kubur ini telah digunakan untuk dijadikan sebagai tempat pemujaan. Saya berpendapat bahawa kemungkinan kita kurang kawalan dan kurang penguatkuasaan. Apa yang saya dengar tadi, yang disebut oleh pihak kementerian bahawa pemujaan ini adalah merupakan satu kesalahan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai label halal dan haram. Saya pernah membaca di dalam satu majalah yang kajian dibuat oleh beberapa orang penulis yang mendapati bahawa pelaksanaan atau penggunaan label halal dan

haram ini belum lagi dapat diselenggarakan dengan sebaik-baiknya. Di pihak kerajaan juga, saya sebagai jawatankuasa di pihak kerajaan negeri juga berbincang untuk mewujudkan label halal haram ini dan didapati banyak lagi perkara dan juga banyak lagi halangan dan kelemahan yang belum dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya ingin menyebut mengenai penyakit AIDS. Tadi, kita dengar pihak kementerian menyebut judi dan mabuk adalah satu kesalahan. Saya sedar penyakit AIDS ini masih lagi menjadi satu perkara yang kontroversi. Ada pihak yang mengatakan bahawa orang-orang yang mengidap AIDS harus dilindungi, diberi simpati dan sebagainya. Ada pihak pula yang berpendapat bahawa pesakit-pesakit AIDS ini akan membawa gejala jika tidak dijaga dan dibendung akan menjadi gejala yang buruk dan akan dapat merosakkan sesuatu ummah dan juga negara.

Saya difahamkan oleh doktor, mereka yang mengidap penyakit AIDS cuma ada tiga sahaja sumber ataupun penyebabnya iaitu yang pertama, kemungkinan derma darah. Sekarang ini pihak Kementerian Kesihatan telah mengadakan kawalan yang agak rapi, jadi kemungkinanlah mereka yang menerima darah ataupun kemungkinannya agak tipis untuk mendapat AIDS. Pada masa yang lalu memang ada mereka yang menerima darah daripada Kementerian Kesihatan sendiri telah pun dijangkiti oleh penyakit AIDS kerana screen, dengan izin, kepada darah-darah yang didermakan tidak dijalankan ujian sebaik mungkin.

Dan dua lagi sebab iaitu dadah, penggunaan jarum untuk perkongsian dadah dan perhubungan seksual. Dadah dan perhubungan seksual ini saya kira dalam Islam adalah merupakan sesuatu yang dilarang oleh agama. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam soal AIDS ini apakah takrifan kita kepada mereka yang mengidap kerana yang mendapat AIDS ini adalah hasil daripada tingkah laku ataupun gaya hidup mereka yang berkenaan.

Saya sedar bahawa pejuang-pejuang hak asasi manusia mungkin tidak bersetuju supaya mereka ini dikawal, didedahkan dan sebagainya. Tetapi, jika perkara ini kita lindungi, tidak kita dedahkan, saya bimbang dengan meningkatnya angka-angka mereka yang terlibat terutamanya di negara kita dan terutamanya di negara sekitar kita, kita sekarang ini menghadapi satu wabak penyakit yang amat bahaya untuk generasi yang akan datang.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1996. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Hassan

**5.35 ptg.**

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Bismillah hirrahma nirrahim Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil peluang ini mengucapkan syabas dan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan yang telah dapat membentangkan akta ini dan sekuntum bunga hati kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah dapat membentangkannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana bunganya?

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Bunga hati. Bunga hati, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat digambarkan hanya keikhlasan saya itu untuk bunganya. Apabila kita melihat dan meneliti akta ini, ini adalah merupakan hasrat yang murni untuk menghalang, mencegah, menghukum dan melaksanakan tanggungjawab kerajaan dan ummah terhadap agama Islam sendiri. Alhamdulillah, kita amat bersyukur sekali.

Tetapi, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah tadi tentang kakitangan pegawai-pegawai termasuk Hakim Syariyenya, pegawai pendakwa, pegawai penguatkuasanya, sama ada pihak kerajaan telah bersedia melatih dan membuat pengambilan. Sebab apa, kita telah acap kali dimaklumkan bahawa banyak kes, bukan sahaja kes-kes sivil tetapi kes-kes mahkamah syarie juga tertunggak disebabkan oleh kekurangan hakim syarie dan pegawai pendakwa yang berkemampuan mengendali dan memutuskan di atas kes-kes yang saya sebutkan tadi.

Saya akan teruskan kepada perkara 14, mana-mana orang lelaki yang baligh yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie, ini saya minta fahamlah, uzur syarie daripada Setiausaha Parlimen ataupun tanpa sebab yang munasabah setelah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda RM1,000 atau penjara selama tidak lebih enam bulan. Ini adalah satu perkara yang amat baik yang mana di negeri kita ini kedapatan orang-orang yang mengerti yang menjadi ahli parti tertentu telah meninggalkan kariahnya untuk bersembahyang

di masjid lain kerana taksub kepada pemimpin dan partinya, orang yang mengaku Islam ini, orang yang mengaku dirinya lebih Islam sanggup meninggalkan masjid dan kariahnya untuk menunaikan sembahyang Jumaat.

Tetapi, dengan akta ini, dengan adanya perkara (14), maka kerajaan dapatlah mengambil tindakan yang sewajarnya di atas pelakuan orang yang mengaku dirinya lebih Islam, lebih alim, lebih beriman pada hakikatnya lebih jahil daripada orang lain. Sukalah saya menyatakan bahawa akta ini telah mendahului sebuah kerajaan dalam negara kita ini yang mengaku bahawa negerinya dipimpin oleh pemimpin Islam iaitu negeri Kelantan, dengan akta ini kita telah mendahului dan telah menunjukkan kemampuan dan kebolehan kita, insya-Allah dapat dilaksanakan apabila akta ini diluluskan nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi, Yang Berhormat akta ini untuk Wilayah Persekutuan sahaja.

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Ha, itulah, sebab itu saya katakan tadi, lebih terdahulu. [*Ketawa*] Saya pun petang ini tidak mahu bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya faham enam bil lagi ada ini. Saya kalau sudah angkat tangan, kiri kanan ini boleh cakap panjang lagi. Dalam Perkara (26) iaitu musahaqah. Satu peristiwa telah berlaku sehari dua ini, ‘menantu syaitan’ ini. Ini termasuk dalam perkara menantu syaitan yang mana perkahwinan telah berlaku di Pengkalan Kubur di antara wanita dengan wanita, yang saya terbaca di dalam akhbar semalam, pihak polis telah dapat barang buktilah, kemaluan tiruan dan sebotol air mani, begitu tinggi hasrat ini, suatu perkara yang dirancang lebih awal.

Mungkin perkara ini telah pun berlaku tetapi tidak diheboh-hebohkan. Maka, saya harapkan apa yang berlaku bukan sahaja dengan perbuatan orang

yang terlibat ini merupakan orang yang menghina agama, akan tetapi telah menghancurkan harapan, impian, penghidupan seorang wanita yang telah dikahwininya. Sebab itulah saya rasakan hukuman sebatan, ini satu perkara yang amat baik sekali supaya mereka-mereka yang terlibat mendapat penghakiman dan hukuman yang setimpal.

Tetapi sayangnya, akta ini hanya terpakai di dalam Wilayah Persekutuan sahaja. Diharapkan bahawa semoga di negeri lain dapat mengadakan akta yang sama supaya ianya dapat diselaraskan di seluruh negara. Itulah sahaja perbincangan ringkas saya mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**5.42 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini ingin turut membincang berkenaan dengan Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996.

Yang pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri yang telah merangka rang undang-undang ini dan hari ini kita sedang membincangkan dan insya-Allah selepas lulus nanti, undang-undang ini akan menjadi suatu undang-undang yang akan dikuatkuasakan. Apa yang menjadi harapan saya, yang pertama ialah supaya

undang-undang ini meliputi seluruh Malaysia ini, tidak hanya di Wilayah Persekutuan.

Walaupun saya faham masalah agama ini adalah tertakluk kepada kerajaan negeri masing-masing tetapi kita sedia maklum bahawa sekarang ini Jabatan Perdana Menteri memainkan peranan menyelaraskan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Kalau pihak Jabatan Perdana Menteri boleh merangka rang undang-undang bagi Wilayah Persekutuan, mengapa penyelarasan ini tidak dibuat? Sedangkan hal-hal yang berkait ini dibincangkan di dalam Majlis Agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan fasal 2 yang berkait dengan kesalahan yang berhubung dengan akidah. Tuan Yang di-Pertua, perkara 5 iaitu mengembangkan doktrin agama dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita rujuk di muka surat 9 perkara 5, ini mungkin tafsirannya mempunyai sedikit kekeliruan. Saya akan baca semula di sini iaitu:-

*“Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin ataupun kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam, di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.”*

Saya difahamkan di dalam perkara 5 ini adalah bersangkutan dengan mazhab, kepercayaan yang berkait dengan perkara-perkara yang berlaku di negara kita seperti fahaman Syiah dan sebagainya. Seperti yang kita sedia maklum, perenggan ini hendaklah jangan menjadikan suatu perenggan yang menyulitkan pendakwah-pendakwah agama hendak mengembangkan agama Islam. Kadang-kadang pihak Jabatan Perdana Menteri bersangkutan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama ini perlulah memperjelaskan lagi tentang kesalahan-kesalahan tentang kefahaman agama ini.

Kalau sekiranya penjelasan, butiran-butirannya tidak jelas mungkin selepas ini penguatkuasaannya juga akan menjadi sulit. Sebab sekarang ini banyak pihak telah cuba mengelirukan kefahaman orang-orang Islam tentang agama Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara berkenaan Bahagian III iaitu kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya. Iaitu perkara 7, menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam. Kita dapati sekarang ini terdapat perkara-perkara yang disebutkan dalam perkara 7 itu, kita berharap dengan adanya akta ini iaitu dalam perkara 7 ini, selepas ini tidak lagi terdapat misalannya buku-buku ataupun bahan-bahan yang dijual di pasaran yang mana mengandungi ayat-ayat al-Quran dan sebagainya.

Pada masa dahulu perkara-perkara ini mungkin pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun Mahkamah Syariah tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka-mereka yang bertanggungjawab dari segi menghina

agama Islam ini. Tetapi, apa yang menimbulkan keraguan saya ialah tentang apabila orang bukan Islam melakukan kesalahan ini, apakah akta ini membolehkan kita mendakwa orang-orang bukan Islam ini di mahkamah? Faktor ini juga perlu diambil kira.

Begitu juga perkara 8, mempersendakan dan lain-lain ayat Al-Quran atau Hadis seperti yang saya sebut tadi. Perkara 11 iaitu mengajar agama tanpa tauliah.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga perlu ditegaskan bahawa terlalu ramai pihak-pihak yang cuba mentafsirkan agama mengikut selera dan fahaman masing-masing. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Perdana Menteri hendaklah segera mengenal pasti orang-orang yang diberi tauliah untuk mengajar hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Sebab kita tidak mahu dengan terlalu banyak orang-orang yang berkepentingan di dalam politik seperti parti PAS menggunakan agama untuk mempengaruhi orang-orang yang kurang mendalami hal-hal yang berkait dengan agama ini akhirnya terpesong akidah dan kerajaan perlu mengambil tanggungjawab dalam hal-hal seperti ini.

Menyentuh berkenaan dengan perkara berjudi, iaitu perkara 18. Saya ingin mengingatkan pihak kerajaan kalau sekiranya kita adakan undang-undang bersangkutan dengan perjudian ini, saya juga masih ragu-ragu apakah perlu kerajaan membenarkan lesen-lesen berjudi secara berleluasa ini adalah bercanggah balik dengan peraturan yang diadakan. Kita faham lesen perjudian ini dibenarkan kepada orang-orang bukan Islam tetapi membenarkan lesen perjudian dijalankan di dalam negara yang menerima Islam sebagai agama rasmi dengan tidak mengadakan had-had ataupun zoning, dengan izin, saya rasa mungkin pelaksanaan dari segi peraturan ini tidak berkesan.

Sebab orang-orang Islam sendiri banyak yang kurang faham berkenaan dengan ajaran Islam itu memang mereka berminat dan mempengaruhi mereka untuk turut sama berjudi. Oleh sebab itu, kerajaan perlu memberi perhatian terhadap kemungkinan mengadakan zon ataupun kawasan-kawasan yang tertentu sahaja membenarkan lesen perjudian ini beroperasi.

Bersangkut dengan perkara 19, minuman yang memabukkan. Ini juga sama dengan perkara 18 iaitu berjudi. Pada masa ini kita dapati tempat-tempat berjudi itu juga terlibat dengan menjual minuman yang memabukkan iaitu minuman keras. Kita amat kesal sekali sebab perjudian dan penjualan minuman yang memabukkan ini berlaku di merata-rata tempat. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita dapati di Pulau Langkawi, pulau bebas cukai, di Pulau Labuan, di bandar-bandar besar, di Kuala Lumpur sendiri, tempat-tempat seperti pusat karaoke, pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Inilah tempat-tempat yang selalunya kalau pihak polis membuat rondaan dan membuat tangkapan, kita tidak hairan tempat-tempat ini terdapat ramai remaja-remaja yang terlibat.

Oleh sebab itu, mengadakan undang-undang ini dengan tidak memperketatkan peraturan-peraturan membenarkan penjualan minuman yang memabukkan dan perjudian, saya rasa ia tidak memberi kesan yang positif.

Adalah diharapkan dengan lulusnya undang-undang ini, pihak Jabatan Perdana Menteri perlu memperketatkan lagi lesen-lesen yang membenarkan penjualan minuman yang memabukkan ini. Sekarang ini kalau kita lihat di merata-rata kedai, kedai kopi, restoran, lebih-lebih lagi di tempat-tempat yang dikunjungi oleh golongan elit ini, semuanya boleh didapati menjual minuman arak, benda-benda yang diharamkan dari segi agama.

Kita tahu orang-orang yang menganut agama lain pun menerima hakikat bahawa berjudi dan meminum minuman yang memabukkan ini bukanlah suatu

budaya yang mulia, benda ini semua membawa kepada mudarat kepada kehidupan mereka dan kalau kita memandu dalam keadaan memabukkan memanglah salah dari segi undang-undang. Begitu juga perjudian, baik orang Islam ataupun orang yang bukan Islam, kalau didapati berjudi secara haram memang salah dan boleh ditangkap dan biasanya akibat daripada perjudian dan minuman yang memabukkan ini membawa keruntuhan akhlak dan bencana di dalam kehidupan sesuatu keluarga itu.

Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan memikirkan semula bukan hanya mengadakan undang-undang untuk orang-orang Islam, malah adalah amat sesuai undang-undang ini juga diperluaskan kepada orang-orang yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bahagian IV iaitu Perkara 23, persetujuan luar nikah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan istilah “persetujuan luar nikah” dengan “zina”. Tadi, Yang Berhormat ada menyebutkan persetujuan luar nikah ini berbeza dengan perbuatan zina. Saya hendak tahu yang mana satu yang betul? Sebab dari segi tafsiran dan hukuman, ini adalah berbeza-beza.

Seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, maka saksi yang sah daripada empat orang dan orang-orang yang empat orang ini seperti Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki, minta maaf Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki, dan orang-orang yang sebagainya, orang-orang yang tertentu

sahaja yang boleh diterima sebagai saksi, empat orang, bukan orang sebarangan - saksi yang kita tidak boleh terima.

Oleh sebab itu, perlu pihak yang menggubal undang-undang ini memperjelaskan berkenaan dengan “persetubuhan luar nikah” dengan perbuatan “zina” ini. Kalau perkara ini tidak diperjelaskan mungkin timbul kekeliruan bila berlaku perkara itu nanti, mungkin sukar hendak dikuatkuasakan.

Dan begitu juga, kalau sekiranya berlaku perkara ini di antara orang Islam dengan orang yang bukan Islam, sama ada yang perempuan itu Islam dan yang lelaki itu bukan Islam ataupun lelaki itu Islam dan perempuan itu bukan Islam, perlu difikirkan bagaimanakah perkara ini hendak dilaksanakan? Adakah kedua-dua pihak ini akan dibawa ke pengadilan di Mahkamah Syariah ataupun satu pihak lagi tidak, yang Islam sahaja dibawa, ini perlu diperlihatkan. Kalau tidak, mungkin undang-undang ini hanya menjadi undang-undang tetapi dari segi penguatkuasaan dan pelaksanaannya tidak boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Perkara 28, orang lelaki berlagak seperti perempuan. Tetapi tidak disebut di sini, kalau orang perempuan berlagak seperti lelaki bagaimana? Ini hanya disebut orang lelaki berlagak seperti perempuan yang mana baru-baru ini kita dengar satu kes perkahwinan dan akhirnya sudah dibawa ke pengadilan dan kita hendak tahu lebih jelas lagi kedudukan berkenaan dengan hal ini.

Perkara 29 perbuatan tidak sopan di tempat awam. Ini juga tidak dihuraikan butiran. Perbuatan yang seperti manakah yang disebutkan tidak

sopan? Adakah ini hanya terhad kepada menunjuk “kemaluan” sahaja atau membuat perkara-perkara yang bercanggah. Perlu diperjelaskan supaya kita lebih tahu berkenaan dengan perkara yang tidak sopan di khalayak awam itu.

Bahagian V iaitu Perkara 35 menggalakkan maksiat. Seperti yang saya sebutkan tadi, saya rasa perkara yang kita buat sekarang ini seolah-olah sedikit sebanyak mempunyai unsur menggalakkan maksiat, misalannya kita mengadakan terlalu banyak channel TV yang memuatkan terlalu banyak hiburan. Itu pun salah satu daripada perkara yang menggalakkan maksiat. Begitu juga pusat-pusat hiburan. Kalau kita mengeluarkan banyak lesen pusat-pusat hiburan, tempat-tempat karaoke, tempat-tempat belia boleh pergi, walaupun ditulis di luar itu ‘remaja yang berumur di bawah dari 18 tahun tidak dibenarkan’, tetapi bahagian penguatkuasaannya belum dapat memastikan sama ada tempat ini dikunjungi oleh mereka ini ataupun tidak.

Oleh sebab itu, kalau kita perhatikan sekarang ini, saya mintalah supaya Jabatan Perdana Menteri membuat suatu kajian seluruh negara ini, berapa banyak pusat-pusat hiburan yang terlibat dengan tempat yang menarik perhatian remaja untuk berkunjung ke tempat itu. Misalannya di Pulau Langkawi, berapa banyak? Bila kita sebut Pulau Langkawi ini, di hotel-hotel, di pusat hiburan, di kedai-kedai, di dalam kapal, di pulau-pulau dan sebagainya dan begitu juga di bandar-bandar besar. Kerajaan perlu mengenal pasti tempat-tempat ini.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kalau perlu kita buat zoning dan tempat-tempat di mana tuan punya premis itu melanggar syarat-syarat ini

hendaklah diberi amaran dan ditamatkan lesen. Katalah kita beri tempoh dalam masa setahun ataupun dua tahun kita tamatkan, lepas itu jangan baharui lesen ini. Apa maknanya kita membaharui lesen ataupun mengkompaun dan mensyaratkan membayar denda, mereka boleh teruskan sedangkan mereka telah melakukan beberapa kesalahan?

Oleh sebab itu dalam soal memberi lesen kepada perkara yang menggalakkan maksiat ini hendaklah ditegaskan, diperketatkan yang mana pihak yang diberi kebenaran membuka lesen ini bila melakukan kesalahan sekali ataupun dua kali, selepas itu tidak lagi dibaharui lesen mereka dan ditutup terus. Pada hal kalau tak ada tempat-tempat ini pun dia tidak akan merugikan kerajaan. Belia kita boleh terlibat dengan aktiviti Rakan Muda dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan Perkara 42, penyalahgunaan tanda halal. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya sebut ini ialah perkara yang berlaku hari-hari kalau kita perhatikan. Banyak sekarang ini tanda halal ini dibubuh sewenang-wenang. Orang awam tentulah menjadi sukar hendak memastikan barang-barang ini, bila kita bertanya: “Benda ini halal ataupun haram dari segi agama?” Bila ada tulisan ‘halal’, mereka sendiri bertanya: “Siapa yang membenarkan?” Kadang-kadang bungkusan plastik itu ditulis tanda ‘halal’, tetapi bukan ada cop.

Pejabat agama sudah tentu kalau ada cop yang rasmi daripada Wilayah Persekutuan ataupun negeri dan sebagainya, baru diiktiraf. Tetapi kalau ditulis ‘halal’ begitu sahaja, ini boleh mengelirukan orang-orang awam. Bagi orang-

orang yang berpendidikan mungkin mereka ini boleh membuat keputusan sendiri, tetapi ini sudah pun becanggah dengan akta yang sebenar.

Kalau sebenarnya, dari segi agama tidak halal, maka kita tidak harus membenarkan label 'halal' itu diguna sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak. Lebih-lebih lagi pihak yang tidak bertanggungjawab, yang tidak mempunyai suatu hak untuk menghalalkan benda yang bersangkutan dengan agama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan adanya Perkara 42 perbuatan yang boleh mengelirukan orang-orang Islam termasuklah orang-orang yang bukan Islam yang semata-mata untuk kepentingan perniagaan mereka, tidak harus dibenarkan berlaku. Dan kalau didapati berlaku pihak Jabatan Perdana Menteri hendaklah menyiasat pihak yang bertanggungjawab dan tindakan perlu diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah menjadi harapan saya, mudah-mudahan dengan adanya akta ini, suatu keadilan untuk orang-orang Islam termasuk orang-orang yang bukan Islam akan dapat diwujudkan supaya imej Islam sebenarnya tidak mengelirukan orang-orang yang bukan Islam. Setakat ini kita bersyukur kerana orang-orang yang bukan Islam di Malaysia sudah boleh menerima hakikat bahawa Islam itu bukanlah memusuhi orang-orang yang bukan Islam.

Apa yang penting ialah biarlah pelaksanaannya dan penguatkuasaannya berjalan dengan cara yang betul oleh orang-orang yang betul-betul faham dari

segi akidah dan ajaran agama Islam. Dan dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika tidak ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap, dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

**6.00 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi membahaskan rang undang-undang ini dan juga saya mengucapkan terima kasih kerana kesemua Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan kepada rang undang-undang ini.

Segala pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat akan diambil perhatian dan juga akan dijadikan asas untuk membuat pindaan-pindaan kepada rang undang-undang ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang bagi Wilayah Persekutuan sahaja, tidak terlibat dengan negeri-negeri yang lain kerana Wilayah Persekutuan ini mungkin caranya mudah untuk mempercepatkan apa sahaja perkara yang berkaitan dengan undang-undang

Islam ini dilaksanakan di sini. Maka sebab itulah Wilayah Persekutuan telah mendahului daripada negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah yang paling agung ialah iman dan hati. Inilah mahkamah dalam Islam yang paling agung. Mengikut cara mana sekalipun undang-undang dibuat, tetapi di hati manusia terutama sekali yang beragama Islam tidak mempunyai kekuatan iman dan takwa, maka manusia itu akan mencari jalan seboleh-bolehnya supaya mereka boleh melakukan perkara yang tidak baik di mana-mana sahaja.

Apabila manusia itu mempunyai keimanan dan ketakwaan yang kuat, maka saya percaya insya-Allah, walau di mana sekalipun mereka berada, mereka boleh mengajar orang lain supaya sama-sama bertakwa dan beriman. Inilah mahkamah yang paling agung. Oleh kerana tidak kesemua kita memiliki ketakwaan yang tinggi dan iman yang tinggi, kerana iman bagi manusia itu ada 4 peringkat. Pertama, seorang itu beriman makin hari makin bertambah, ialah iman bagi para anbia dan rasul-rasul. Iman orang yang selalu turun dan naik ialah iman bagi manusia Islam yang seperti iman orang awam. Iman yang tidak berubah-ubah ialah iman malaikat. Setakat itu sahajalah iman malaikat. Tetapi iman orang yang menurun ialah iman orang yang fasik. Inilah kedudukan keimanan. Jadi, marilah kita bersama-sama menentukan, kita mempunyai keimanan yang sebaik mungkin, sekurang-kurangnya kalau kita tidak menambah, sekurang-kurangnya kita dapat selari dari awal hinggalah ke akhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan memberi penjelasan yang agak ringkas kerana kebanyakan daripada mana-mana undang-undang sekalipun tidak memberikan tafsiran satu persatu yang kita masih ragu-ragu, melainkan undang-undang itu dikemukakan mempunyai hasrat yang tertentu untuk kebaikan, maka apabila tuduhan dibuat terpulanglah kepada mahkamah sama ada tuduhan yang dibuat itu ditafsirkan oleh hakim menepati apa yang dikehendaki - setakat yang saya tahu. Saya bukanlah lulus undang-undang, tetapi tahulah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk satu persatu dan mungkin saya boleh jelaskan sedikit-sebanyak daripada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin mengatakan seksyen 23 iaitu bagaimana kedudukan seorang lelaki yang bukan Islam.

Memanglah dalam peruntukan Bahagian I, Fasal 1(2)(b) jelas menunjukkan bahawa peruntukan Rang Undang-undang ini tidak terpakai bagi orang bukan beragama Islam. Ini telah diputuskan, hukuman yang kita jalankan ialah kepada orang Islam sahaja. Orang ramai mempertikaikan "kalau macam itu lepas", kita ini orang Islam yang degil sangat terlibat dengan orang bukan Islam ini buat apa? Jadi, awak tanggunglah, orang Islam tanggunglah. Oleh kerana melakukan kesalahan dalam undang-undang Islam maka, orang Islam tanggunglah. Sebab itu, undang-undang yang terpakai kepada orang Islam, tetapi tidak terpakai kepada orang yang bukan Islam.

Yang lain-lain, saya telah jelaskan seperti seksyen 24, tafsiran berbagai-bagai dikehendaki untuk menentukan. Saya menyatakan bahawa tafsiran ini terpulanglah kepada mahkamah itu sendiri, sama ada perkara itu salah ataupun tidak di atas tuduhan yang dibuat. Contohnya, kalau sekiranya yang mendorong kepada tidak baik atau maksiat, misalnya kalau kita menangkap orang yang sedang bercumbu-cumbuan, maka perkara itu mendorong, takkan dia bercumbu-cumbuan sahaja, tentulah mendorong menghala ke lain, tidak tahulah kalau dia melakukan sahaja tidak ada apa-apa. Tetapi selalu orang yang mendorong ke situ ataupun kita serbu orang itu dalam bilik didapati pasangan itu dalam keadaan yang tidak berpakaian. Walaupun dia melakukan benda yang lain, tetapi kalau dua orang duduk dalam bilik tidak berpakaian, apa halnya? Ini maknanya mendoronglah kepada benda yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 41 mengenai saksi fasik. Memanglah saksi fasik gugur hak menjadi saksi, tetapi untuk menentukan saksi fasik atau tidak, perlulah diadakan pemeriksaan saksi sebelum perbicaraan. Maknanya saksi itu kita akan panggillah, kita akan semak, kalau dia memang tidak ragu-ragu - memanglah susah di masa ini kita hendak mencari orang yang sebenarnya warak. Hendak mencari manusia yang warak ketika ini cukup susah. Dia tidak boleh bercakap banyak, tidak boleh bercakap yang bukan-bukan. Orang warak ini dia tidak boleh makan di tepi-tepi jalan, di warung-warung. Orang warak ini mempunyai sifat-sifat yang 'mahmudah', sifat-sifat yang terpuji, jujur, ikhlas - ini diantara orang yang warak. Jadi, di ketika ini kalau kita hendak cari orang yang warak macam ini, memanglah agak sukar, hanya

yang boleh menentukan orang yang warak itu, hanya orang itu tidak fasik, orang itu tidak keluar dari agama Islam atau orang fasik yang berat. Kalau setakat biasa maknanya seperti kita ini boleh menjadi saksi, saya akui orang seperti ini boleh menjadi saksi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 35. Sebagaimana saya nyatakan tadi juga, terpulanglah penjelasan daripada hakim mengenai perkara-perkara yang mendorong ataupun menggalakkan kepada benda yang tidak baik. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin menyatakan hukuman yang diberikan tidak tinggi. Hukuman ini memanglah mengikut peruntukan Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965 di bawah Akta Wilayah Persekutuan.

Kemudian seksyen 51 takrif 'baligh'. Mengikut peruntukan seksyen 51, selagi kanak-kanak itu belum mencapai umur baligh, maka tiada apa-apa jua yang dilakukan olehnya menjadi kesalahan. Penentuan baligh pula mengikut hukum syarak yang muktabar, yang muktamad, ertinya syarak mengatakan baligh, Imam Shafie mengatakan orang yang baligh itu kalau orang lelaki mestilah berumur 15 tahun atau dia bermimpi naik layar, berlayar di lautan ataupun orang perempuan belum umur 15 tahun mungkin 9 tahun sudah keluar bendera merah, itu maknanya balighlah, mengikut Imam Shafie.

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja menyebut perkataan yang manis supaya sedap didengar. Kalau bercakap perkataan-perkataan yang tidak manis kurang sedap didengar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya orang itu belum baligh, melaku kes rogol, maka anak ini bolehlah di bawah bidang kuasa Mahkamah sivil. Kita boleh bawa ke situ, dan kalau dia bersalah dia kena juvana, dihukum sebagai budak nakal.

Kekurangan peguam-peguam syarie di mahkamah-mahkamah di Wilayah Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Wilayah Persekutuan ini, peguam-peguam yang telah diambil itu telah lulus temuduga oleh Jawatankuasa Peguam Syarie Wilayah Persekutuan sahaja, dibenarkan menjalankan kehakiman di Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan. Buat masa ini, jumlah peguam syarie adalah ramai di Wilayah Persekutuan. Yang kurang ialah di negeri-negeri yang lain.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin mengatakan kemampuan Mahkamah Syariah hendaklah dipertingkatkan dan juga mengatakan tidak ada penyelaraskan dari segi fatwa dan juga hukuman. Kerajaan sedang berusaha mempertingkatkan keupayaan Mahkamah Syariah. Jawatankuasa Fatwa yang telah diselaraskan melalui penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Fatwa Kebangsaan dari segi hukum Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Sivil dan Syarak telah ditubuhkan. Kedua-dua jawatankuasa ini bermesyuarat dari masa ke semasa untuk menentukan bagaimana perkembangan Mahkamah Syariah dan juga fatwa-fatwa. Dan di antara yang kita buat sekarang mengenai Mahkamah Syariah, kita telah mengasingkan Jabatan Agama Islam dengan Mahkamah Syariah. Ini adalah di antara yang

telah kita lakukan supaya keadilan dan kerja yang lebih banyak diselesaikan mengenai undang-undang Islam ini.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin juga mengatakan mengenai penguatkuasaan Wilayah Persekutuan akan menyusun semula struktur organisasi Jabatan Agama di Wilayah Persekutuan (JAWI) dan juga akan menaiktarafkan jabatan ataupun bahagian penguatkuasa dan unit-unit ini akan ditambahkan juga perjawatan-perjawatan supaya mereka boleh menjalankan penguatkuasa yang lebih teratur lagi. Sebab memanglah bilangannya perlu ramai bagi menentukan perkara-perkara ini dijalankan dengan baik, terutama sekali di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali memohon supaya akta yang dibuat oleh Wilayah Persekutuan ini digunakan oleh negeri-negeri yang lain. Memanglah kita buat dahulu dan kita mengharapkan apabila rang undang-undang diluluskan ini, kalau boleh supaya negeri-negeri lain menerima pakai apa yang kita luluskan ini. Serupalah Wilayah Persekutuan dahulu, sebelum membuat rang undang-undang sendiri, mereka telah memutuskan menerima pakai enakmen Islam yang diluluskan oleh negeri Selangor. Jadi, kita akan memberikan kerjasama dan meminta kerjasama negeri-negeri supaya menerima pakai akta ini.

Yang Berhormat Senator Junaidah juga menyatakan demikian rupa mengenai fatwa dan hukum syarak di seluruh negara. Memanglah BAHEIS menerusi Jawatankuasa Tetap Undang-undang Sivill dan Syarak yang saya nyatakan tadi menyelaraskan hal ini dan juga insya-Allah apabila

perkara ini dipersetujui oleh negeri-negeri, banyaklah perkara yang boleh kita selaraskan dalam bidang menjalankan hal ehwal agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, perjawatan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan ini kita telah menaikkan taraf jawatan Ketua Hakim Syarie dan juga akan terus menimbangkan kenaikan taraf beberapa jawatan lain dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah yang saya hendak jelaskan di sini. Mana-mana yang saya tidak dapat menjawab itu, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi pandangan-pandangan yang baik mengenai rang undang-undang ini. Saya percaya dengan adanya rang undang-undang ini, apabila diluluskan, pihak Wilayah Persekutuan akan menjalankan perkara ini dengan sebaik mungkin. Pada hakikatnya, rang undang-undang ini selain daripada kita menaikkan denda, hukuman, kesalahan yang sedia ada, kita mewujudkan lagi beberapa fasal baru yang boleh kita menangkap ataupun menuduh kepada perkara-perkara yang lain seperti ajaran sesat, orang yang menyeleweng dan membawa orang lain menyeleweng dan juga perkara-perkara yang menghina ayat-ayat Al-Quran yang ditulis pada baju dan sebagainya, semuanya ada dalam akta ini. Dahulu tidak ada, sebab itu kita tidak boleh mendakwa mereka. Dengan adanya ini, kita boleh mendakwa mereka.

Selain daripada itu, apa yang dikatakan mengenai judi hendak dizon oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail. Kita tidak mampu untuk membuat demikian rupa kerana kalau dikatakan satu kawasan hendak

dizonkan ini, bererti kita mesti menentukan tempat-tempat yang tertentu dan mengarahkan siapa yang hendak pergi ke sana. Tetapi hakikatnya di mana sahaja ada tempat judi, kalau kita jumpa orang Islam yang berjudi, kita boleh tangkap dan dakwa mereka. Ini yang kita buat. Jadi, dengan itu, bila ada pegawai penguatkuasa, apabila kelihatan orang Islam ada di tempat judi, kita boleh tangkap dan boleh dakwa mereka ke mahkamah dan boleh dihukum. Ini di antara kita untuk menyekat supaya mereka tidak terlibat.

Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jelaskan. Saya minta maaf banyak-banyak kalau sekiranya saya memberi penjelasan ini tidak dihendaki sebagaimana yang dikehendaki. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 58** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.20 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk membuat peruntukan yang berhubungan dengan prosedur jenayah syariah bagi Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan ditubuhkan masing-masing pada tahun 1974 dan 1984, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor No. 3 tahun 1952 telah diperluaskan pemakaiannya kepada Kuala Lumpur dan Labuan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada peruntukan enakmen ini telah dimansuhkan pemakaiannya kepada Kuala Lumpur dan Labuan dengan lulusnya Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Namun begitu, masih terdapat beberapa peruntukan lain yang masih dikekalkan penggunaannya di dalam enakmen tersebut, antaranya ialah peruntukan mengenai prosedur perbicaraan kes-kes jenayah syariah di Mahkamah Syariah, masih terdapat 16 seksyen di dalam enakmen yang membincangkan mengenai prosedur perbicaraan kes-kes jenayah syariah.

Memandangkan peruntukan yang begitu sedikit membicarakan mengenai prosedur jenayah syariah, maka didapati adalah perlu dibuat satu perundangan

lain yang khusus membincangkan prosedur jenayah syariah. Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil dan Syarak, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri telah menggubal satu draf undang-undang yang khusus memperuntukkan mengenai prosedur jenayah syariah bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di dalam mesyuaratnya pada 6hb. Ogos, 1993 telah bersetuju agar draf ini dipakai bagi wilayah-wilayah tersebut.

Rang Undang-undang ini perlu diperkenalkan memandangkan peruntukan mengenai prosedur jenayah syariah di bawah enakmen tidak mencukupi. Tambahan pula, bertambahnya kes-kes jenayah syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan memerlukan kaedah yang lebih jelas dan teratur bagi mengendalikan kes-kes jenayah syariah bagi perbicaraan kes-kes ini dapat dijalankan dengan kemas dan teratur.

Secara umumnya rang undang-undang ini menerangkan mengenai prosedur yang perlu dipatuhi atau diikuti oleh setiap pihak yang terlibat di dalam perbicaraan kes-kes jenayah syariah. Ianya menjelaskan prosedur yang perlu dipatuhi oleh setiap pihak dari mula aduan jenayah syariah sehinggalah kes ini diputuskan oleh mahkamah syariah.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada VIII bahagian dan mengandungi 231 seksyen.

Bahagian I membicarakan mengenai peruntukan-peruntukan permulaan, antaranya tajuk ringkas, pemakaian dan kuatkuasa akta ini, tafsiran dan perbicaraan kesalahan-kesalahan oleh Mahkamah Syariah.

Bahagian II pula membincangkan mengenai penubuhan Mahkamah Syariah, perbicaraan di Mahkamah Syariah terbuka kepada orang ramai, orang ramai dikecualikan dari mendengar perbicaraan bagi kes-kes tertentu dan bidang kuasa jenayah seseorang hakim.

Bahagian III pula memperkatakan mengenai bantuan dan maklumat orang awam kepada hakim atau pegawai penguatkuasa agama atau pegawai polis tentang berlakunya sesuatu kesalahan jenayah syariah. Di samping itu juga, aspek mengenai ketangkapan, melarikan diri dan menangkap pesalah-pesalah dibicarakan. Di dalam membicarakan kes-kes jenayah syariah, seseorang boleh diarahkan menghadirkan diri ke mahkamah. Antara proses yang boleh dibuat bagi memaksa seseorang supaya hadir ke mahkamah ialah menerusi pengeluaran saman atau waran tangkap. Bagi membolehkan pengemukaan apa-apa dokumen di Mahkamah Syariah dapat dibuat, maka peruntukan mengenai paksaan kepada seseorang untuk mengemukakan dokumen itu dibuat. Antara proses paksaan yang boleh dikenakan ialah melalui waran geledah.

Bahagian IV pula menerangkan penerimaan maklumat oleh pegawai penguatkuasa agama dan kuasa-kuasa mereka untuk menyiasat.

Bahagian V pula membincangkan mengenai prosiding pendakwaan. Di dalam bahagian ini, antara yang dibincangkan ialah bidang kuasa mahkamah dalam perbicaraan kes jenayah syariah dan syarat-syarat yang dikehendaki bagi memulakan sesuatu prosiding jenayah syariah. Di samping itu juga, ia menerangkan mengenai penerimaan aduan oleh Hakim Syarie, penyediaan

pertuduhan, perbicaraan kes-kes jenayah, cara mengambil dan merekod keterangan, penghakiman, hukuman dan perjalanannya, penggantungan dan peremitan hukuman dan pembebasan atau sabitan dahulu.

Bahagian VI menerangkan mengenai rayuan dan penyemakan. Antara yang jelas sekali ialah rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah dan rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah. Bidang kuasa penyemakan kes-kes jenayah dan prosiding di dalam kes-kes tertentu yang menyentuh pentadbiran keadilan.

Bahagian VII pula menyediakan peruntukan-peruntukan tambahan bagi rang undang-undang ini. Antara peruntukan tambahan yang dinyatakan ialah mengenai orang tak sempurna akal, pendakwaan, jaminan, keterangan dan pelupusan barang kes dan harta menjadi perkara kesalahan, pemindahan kes-kes jenayah dan perkara-perkara ketakteraturan dalam prosiding.

Akhir sekali, Bahagian VIII pula menyediakan peruntukan-peruntukan am rang undang-undang ini. Antara yang dinyatakan ialah mengenai tafsiran, perlindungan pegawai-pegawai, penghinaan mahkamah, borang-borang, penggunaan denda, pemberhentian pemakaian enakmen dan sebagainya.

Kesimpulannya, dengan apa yang telah dijelaskan sebentar tadi menunjukkan bahawa di dalam membicarakan setiap kes-kes jenayah syariah, prosedur setiap peringkat di dalam kes ini diterangkan dengan jelas agar keadilan yang saksama dapat ditegakkan. Setiap peranan bersama adalah dari penguatkuasa agama, polis, pendakwa atau hakim dijelaskan agar tiada pertindihan tugas antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk membuat peruntukan yang berhubungan dengan prosedur jenayah syariah bagi Mahkamah Syariah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Puan Kamilia.

**6.28 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu ramai rakan hendak balik cepat, tetapi saya rasa undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang perlu diberi satu pengiktirafan kerana sudah sampai masanya untuk kita dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam di negara ini menggubal Rang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah dan juga tadi Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam membentangkan rang undang-undang ini adalah merupakan satu pencapaian, kepada saya, kerana dalam kita banyak memperkatakan tentang Islam dan syiar Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam, kita telah hampir hilang keyakinan orang ramai dengan kemampuan Mahkamah Syariah menegakkan keadilan kerana ramai antara wanita-wanita terutamanya mereka yang terpaksa pergi ke Mahkamah Syariah menyatakan rasa kurang keyakinan dan kepercayaan, hingga ada yang kata tidak mahu pergi ke Mahkamah Syariah tetapi hendak pergi bawa kes mereka ke Mahkamah

Sivil. Tetapi saya percaya dan yakin dengan adanya rang undang-undang yang telah dibentangkan dengan prosedur dan juga undang-undang yang menentukan kesalahan-kesalahan jenayah ini, keadaan ini akan diperbaiki.

Saya hanya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi dan ingin menyarankan dan saya pastilah ini sudah ada menjadi matlamat kementerian juga bahawa kita akan mewujudkan Mahkamah Syariah yang akan bermatlamatkan untuk menjadi mahkamah contoh yang boleh digunakan sebagai satu role model, dengan izin, sebagai satu institusi yang dapat menegakkan keadilan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah hendak menyatakan bahawa dalam kita hendak memperkemaskan undang-undang dan juga memperkemaskan cara kita menjalankan Mahkamah Syariah, kita juga perlu melihat mungkin alternatif-alternatif kepada mahkamah-mahkamah yang wujud. Mungkin apa yang ada di dalam pemikiran kita ialah jenis mahkamah ataupun pelaksanaan undang-undang yang mungkin berdasarkan kepada undang-undang sivil atau sistem undang-undang sivil yang ada. Adalah menjadi lebih baik jikalau kita menggunakan landasan ini sebagai satu cara untuk kita mengembangkan dan membangunkan undang-undang Islam sebagai satu sistem undang-undang yang mungkin dapat mengatasi masalah-masalah yang terdapat di mahkamah-mahkamah syariah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyatakan di sini bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Prosedur Jenayah ini segala masalah untuk mensabitkan kesalahan jenayah syariah akan dapat

dipertingkatkan pelaksanaannya. Kita tahu banyak masalah jenayah syariah yang tidak dapat dilaksanakan, contohnya, kadangkala mahkamah syariah gagal mengeluarkan waran tangkap. Kalau pun keluar waran tangkap tidak dapat dikuatkuasakan. Kalau kita di mahkamah sivil, ia lebih berkesan. Jadi, oleh kerana tidak berkesannya waran-waran yang dikeluarkan tadi, itulah saya sebutkan ramai yang kurang keyakinan, tetapi saya harap dengan adanya prosedur jenayah syariah ini, insya-Allah, maka masalah ini akan dapat diatasi.

Juga kita akan mengharapkan bahawa perintah-perintah commitel yang dikeluarkan apa sekali pun terutamanya penguatkuasaan perintah mahkamah akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyatakan perkara-perkara tersebut dan saya juga mengharapkan usaha-usaha akan diteruskan kerana kita tahu apabila rang undang-undang baru dikeluarkan tentu sekalinyalah akan melalui proses yang mana akan diguna pakai di mahkamah dan tentu sekali akan timbul kelemahan-kelemahan yang kita harap akan terus diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya ingin menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berbahas, maka saya menjemput menteri menjawab.

**6.32 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim yang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Prosedur

Jenayah (Wilayah Persekutuan) 1996. Di atas beberapa perkara yang telah dapat dilihat tentang menjalankan penguatkuasaan dan sebagainya semasa kita menggunakan yang dahulu, maka sebab itulah kita kemukakan rang undang-undang prosedur yang baru ini.

Kita akan memberi kuasa yang penuh kepada pegawai-pegawai penguatkuasa untuk membuat tangkapan dan sebagainya sehinggakan boleh menggeledah tempat-tempat tertentu. Di samping itu juga, kita akan menambah kakitangan supaya perkara-perkara yang berbangkit mengenai hal-hal Islam ini yang dibicarakan ataupun yang berlaku dapat kita selesaikan dengan secepat mungkin. Kita cukup yakin pada masa akan datang supaya kita yakin kepada mahkamah ini dan juga perkara ini.

Contohnya, yang dahulu Bank Islam dan sebagainya, semasa kita mengemukakan memang pelbagai pendapat yang kita terima tetapi insya-Allah dengan cara kita mengatasi dari masa ke semasa, maka penerimaannya amat baik sehinggakan orang bukan Islam pun menerima Bank Islam dengan baik. Jadi, harapan kita ini juga bila kita dapat melaksanakan perkara ini kita mengharapkan supaya sekurang-kurangnya orang-orang Islam memberi keyakinan kepada perjalanan mahkamah kita ini dan mereka akan merasakan bahawa keadilan yang kita buat di mahkamah ini adalah sebenar-benarnya melalui keadilan yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 231** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.38 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mentakrifkan undang-undang keterangan bagi mahkamah syariah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks pemakaian undang-undang keterangan di mahkamah syariah Wilayah-wilayah Persekutuan masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Wilayah-

wilayah Persekutuan masih lagi memakai peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952. Namun begitu, kekurangan peruntukan perundangan mahkamah syariah masih dapat menjalankan perbicaraannya berpandukan kepada hukum syarak.

Memandangkan di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952 memperuntukkan hanya satu seksyen sahaja mengenai keterangan, maka adalah perlu satu rang undang-undang baru bagi menggantikan peruntukan yang sedia ada. Jawatankuasa teknikal dan undang-undang sivil dan syarak Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah menggubal satu draf undang-undang keterangan bagi menggantikan peruntukan yang sedia ada.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam mesyuaratnya pada 6hb. Oktober, 1993 telah bersetuju draf ini diterimapakai bagi Wilayah-wilayah Persekutuan. Rang Undang-undang ini terbahagi kepada empat bahagian dan mengandungi 132 seksyen.

Pada amnya Bahagian I ini menerangkan mengenai tajuk ringkas pemakaian dan mula berkuatkuasa rang undang-undang ini, tafsiran dan anggapan yang digunakan di dalam rang undang-undang ini. Bahagian ini juga menjelaskan mengenai fakta-fakta yang dianggap qarinah, pengertian ikrar yang dilakukan oleh seseorang dan pernyataan yang disebut oleh seseorang yang tidak boleh dipanggil saksi sama ada pernyataan itu dibuat dalam keadaan khas, sejauh mana pernyataan itu perlu dibuktikan, bila penghakiman mahkamah dan pendapat orang ketiga dan watak seseorang adalah qarinah.

Bahagian II pula membincangkan tentang pembuktian. Antaranya bahagian ini menerangkan mengenai fakta-fakta yang tidak perlu dibuktikan, keterangan lisan, dokumentar dan dokumen awam serta anggapan tentang suatu dokumen.

Bahagian III pula memperkatakan mengenai pengemukaan dan kesan keterangan. Antara perkara yang dibincangkan ialah beban membuktikan di dalam kes-kes jenayah dan mal, saksi, cara-cara pemeriksaan saksi dan peruntukan bagi memastikan kebenaran keterangan saksi-saksi.

Bahagian IV pula membincangkan mengenai peruntukan am yang terkandung di dalam rang undang-undang ini. Ini termasuklah pemansuhan pemakaian Enakmen dan Akta Keterangan 1950. Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, dengan adanya rang undang-undang ini akan dapat mengatasi kekurangan dan kelemahan yang terdapat di bawah enakmen dan penggantungan Mahkamah Syariah kepada Akta Keterangan 1950 yang dipakai di Mahkamah Sivil dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mentakrifkan undang-undang keterangan bagi Mahkamah Syariah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Puan Kamalia binti Ibrahim.

**6.42 ptg.**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hanya sedikit sahaja ingin saya tekankan di sini dalam saya menyokong rang undang-undang ini. Saya hanya ingin menarik perhatian Jabatan Perdana Menteri dalam menggubalkan peraturan-peraturan bagi rang undang-undang yang akan menjadi akta nanti.

Pertamanya ialah dalam pelaksanaan untuk membuktikan ataupun memberikan keterangan di Mahkamah Syariah, seperkara yang saya rasa perlu difikirkan ialah mengenai *maxim ignorrance of the law is no excuse*, dengan izin. Pada hemat saya, *maxim* ini adalah sesuatu yang mungkin tidak perlu dipakai lagi kerana dalam masa-masa atau ketika di mana seseorang itu tidak mengetahui tentang undang-undang tidaklah semestinya ianya dihukum kerana tidak tahu tentang undang-undang.

Contohnya di Mahkamah Syariah dalam kes-kes keluarga, ada ketikanya wanita apabila dia hendak diceraikan maka pada waktu dia hendak diceraikan, oleh kerana dia tidak tahu tentang hak-haknya, maka dia mempersetujui apa yang telah dikatakan sebagai perjanjian untuk penceraian. Contohnya tentang *mutaah*. Kalau ianya telah dipersetujui untuk tidak membuat apa-apa tuntutan dan kemudiannya dia mengetahui tentang haknya, maka adalah dicadangkan bahawa pengakuan yang telah dibuatnya semasa penceraian dilafazkan tidaklah dianggap sebagai suatu keputusan yang tidak boleh dipinda dan ianya dianggap sebagai satu keterangan yang jelas dan nyata

yang tidak dapat diubah untuk kebaikan wanita tersebut. Pada pandangan saya, ini adalah satu penganiayaan kepada seseorang wanita ataupun mungkin seorang lelaki ataupun anak-anak yang mungkin akan terlibat.

Yang keduanya ialah tentang pembersihan saksi. Dalam Bab 2, seksyen 83 ada menyebutkan tentang saksi. Saya mendapati walaupun saya telah membaca tentang bab itu, kita tidak dapat lihat bahawa sebelum seseorang itu boleh diambil atau diterima sebagai seorang saksi untuk dipertimbangkan keterangan yang akan dikemukakan, adalah dicadangkan bahawa sebelum seseorang itu dapat diterima sebagai saksi, dia perlulah terlebih dahulu dibersihkan oleh satu panel saksi untuk memastikan bahawa saksi itu mengikut kehendak syarak.

Yang ketiganya ialah tentang sumpah. Adalah didapati bahawa apa yang saya baca di dalam rang undang-undang ini, sumpah tidak merupakan salah satu daripada jenis keterangan yang boleh diterima dan mungkin boleh difikirkan di dalam peraturan-peraturan bahawa sumpah juga boleh digunakan sebagai satu keterangan. Kalau dari pengalaman saya di Mahkamah Syariah, banyak kes yang mana contohnya penceraian adalah bergantung kepada sumpah seorang lelaki. Begitu juga dengan ikrar. Apa yang telah dilaksanakan di Mahkamah Syariah kini ialah ianya hanya dibuat sekali sahaja dan sepatutnya perlu dibuat tiga kali untuk menunjukkan kesungguhan tentang ikrar tersebut.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah dalam kita menjalankan kes-kes di Mahkamah Syariah ini, terutamanya bagi kes-kes keluarga, adalah dicadangkan bahawa wanita dilantik sebagai hakim untuk mengadili kes-kes di

Mahkamah Syariah kerana dalam menjalankan dan mengadili terutamanya keterangan-keterangan yang akan dikemukakan adalah wajar kerana kebanyakan kes-kes itu yang melibatkan yang akan menanggung apa yang akan berlaku daripada perkara-perkara melibatkan keluarga terutamanya adalah wanita.

Persoalan ini pernah saya timbulkan, tetapi tidak dijawab oleh pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu sama ada pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun pihak Kehakiman Syariah akan melantik wanita sebagai hakim untuk mengadili kes-kes keluarga. Kalau boleh dipertimbangkan, mungkin kita boleh mengkaji apa yang dilakukan di Indonesia di mana sudah lama hakim seramai 3 orang adalah dijadikan hakim-hakim untuk mahkamah-mahkamah keluarga.

Mungkin juga kita perlu memikirkan dalam konteks Mahkamah Syariah ini juga, Family Court ataupun Mahkamah Keluarga itu direka bentuk ataupun diubah bentuknya supaya tidak begitu formal untuk kita dapat mengadili satu-satu kes itu dengan cara yang lebih informal, dengan izin, agar keadilan akan terus dapat dicapai.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi yang hendak berucap, maka Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

**6.47 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim

yang mengambil bahagian bagi membahaskan rang undang-undang yang baru dibentangkan tadi.

Di antara yang disebutkan ialah mengenai memberi bukti keterangan di Mahkamah Syariah, memang kita berpandu kepada prosedur-prosedur yang ditetapkan. Walaupun kita tidak boleh menganggap semua orang tahu mengenai undang-undang, sekiranya orang yang tidak tahu mengenai undang-undang, apabila terlibat dengan kesalahan, maka dia juga mestilah dihukum. Bererti bukanlah kerana dia tidak tahu itu dia terlepas daripada hukuman undang-undang.

Selain dari itu, pembersihan saksi memang kita jelaskan tadi, pertamanya dalam Islam ini kita sebaik mungkin mencari saksi yang betul-betul boleh menepati kejujuran, keadilan dan sebagainya. Kalau kita dapati saksi itu fasik, maka kita tidak boleh menggunakan dia sebagai saksi kerana dia bercakap tidak jujur dan berdolak-dalik. Ini akan menyusahkan hakim untuk membuat keputusan.

Selain dari itu, sumpah tidak boleh diterima kerana kita takut terdapat kes di mana kita suka membuat banyak sumpah. Jadi, kadangkala kalau kita terima ia dan dijadikan sebagai bahan bukti, maka mereka kadangkala akan sanggup bersumpah apa sahaja asalkan dia boleh lepas. Sebab itulah kita tidak boleh menerima perkara ini.

Selain dari itu, wanita menjadi hakim. Dalam jawapan saya dahulu, pada amalan sekarang, kita memilih lelaki menjadi hakim, tetapi skim perkhidmatan bagi pegawai agama adalah skim yang sama. Orang itu menjadi

hakim dan dia menjadi pegawai agama. Jadi, sekiranya hendak letakkan dia ke mahkamah mungkin permulaannya kita boleh meletakkan pegawai wanita ini sebagai pendaftar di Mahkamah Syariah dan sebagainya. Perkara ini memanglah tidak menjadi halangan. Tetapi buat masa ini amalannya kita masih mengambil calon lelaki untuk menjadi hakim-hakim di mahkamah.

*[Teks jawapan diberikan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen]*

Betullah saya jawab! *[Ketawa]* Walaupun jawapannya belum sampai. Jadi, terima kasihlah jawapan yang baru disampaikan - hakim-hakim Mahkamah Syariah sekarang terdiri daripada skim pegawai syariah lelaki dan sekarang sudah ada dua orang wanita dilantik sebagai pegawai syariah dan ditempatkan di Pejabat Biro Bantuan Guaman.

Ah! Tepat sangatlah saya jawab. *[Ketawa]* Jadi, itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya, jadi, insya-Allah, kita sentiasa memikirkan mengikut lunas-lunas Islam dari segi kemampuan apa yang patut kita buat.

Jadi, dalam Islam ini memang kita memberatkan tidak ada perkara untuk mendiskriminasikan di antara jenis. Mana yang harus boleh di dalam Islam, kita akan cuba laksanakan. Insya-Allah, perkara yang hendak dilaksanakan ini secara beransur-ansur biarlah kita melakukan perkara yang sedikit daripada kita meninggalkan kesemua perkara. Inilah kemampuan kita buat masa sekarang, insya-Allah di masa hadapan jika diizinkan Allah S.W.T. beberapa perkara lagi boleh kita kemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua** Insya-Allah! Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 132** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN DAN PENYATUAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan untuk memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, industri niaga hadapan di Malaysia dikawalselia oleh dua badan berkanun iaitu Suruhanjaya Dagangan Komoditi dan Suruhanjaya Sekuriti.

Pada 29hb. Mei 1996, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya pengawalseliaan Industri Niaga Hadapan Kewangan dan Industri Niaga Hadapan Komoditi diselaraskan dan diletakkan di bawah suatu rangka kawal selia dan di bawah penyeliaan satu badan pengawalselia iaitu Suruhanjaya Sekuriti. Selaras dengan penyerapan Suruhanjaya Dagangan Komoditi ke dalam Suruhanjaya Sekuriti, beberapa peruntukan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 perlu dipinda, manakala Akta Dagangan Komoditi 1985 perlu dimansuhkan.

Pindaan-pindaan tersebut bertujuan untuk menyelaraskan rangka kawal selia industri niaga hadapan secara teratur dan gangguan yang minimum kepada dagangan yang sedia ada untuk menguruskan penyerapan tersebut tanpa menjejaskan apa-apa hak kepentingan kakitangan Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang sedia ada, mengambil kira ciri-ciri pasaran niaga hadapan komoditi yang berbeza dengan pasaran niaga hadapan kewangan serta mengambil kira rancangan Kementerian Perusahaan Utama untuk meminda Akta Dagangan Komoditi 1985 sebelum keputusan menyerap Suruhanjaya Dagangan Komoditi ke dalam Suruhanjaya Sekuriti dibuat.

Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ini pada amnya meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) pindaan kepada seksyen 15 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 untuk meluaskan bidangkuasa Suruhanjaya Sekuriti supaya merangkumi kontrak niaga hadapan komoditi berikutan pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985;
- (ii) meminda seksyen 6 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang menghendaki Suruhanjaya Sekuriti berunding dengan Menteri Perusahaan Utama sebelum meluluskan perubahan kepada kaedah-kaedah perniagaan syarikat bursa yang melibatkan komoditi;
- (iii) memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985 dan segala perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta tersebut. Seterusnya, fasal 14 dan 15 bertujuan membubarkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi;
- (iv) Fasal 16 rang undang-undang bertujuan untuk memastikan bahawa kakitangan Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang ada mempunyai pilihan untuk diambil kerja oleh Suruhanjaya Sekuriti apabila Suruhanjaya Dagangan Komoditi dibubarkan dan terma pengambilan kakitangan berkenaan perlulah tidak kurang baiknya daripada apa yang terpakai di Suruhanjaya Dagangan Komoditi;

- (v) Fasal 17 memperuntukkan bahawa apa wang yang terkandung dalam Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi dikembalikan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan memperuntukkan supaya semua aset lain Suruhanjaya Dagangan Komoditi menjadi hak milik Suruhanjaya Sekuriti melainkan jika menteri mengisytiharkan sebaliknya;
- (vi) Fasal 18 bertujuan membuat peruntukan bahawa wang yang telah didepositkan dengan Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi oleh peniaga komoditi yang ingin berdagang di bursa ditentukan hendaklah dianggap pada tarikh mula berkuatkuasa akta yang dicadangkan sebagai wang yang telah didepositkan dengan Suruhanjaya Sekuriti;
- (vii) Fasal 19 bertujuan untuk menganggap supaya semua harta yang dipegang secara amanah oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi pada tarikh mula berkuatkuasanya akta ini sebagai harta yang dipegang atas amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti tertakluk kepada terma yang sama seperti terma Amanah asal;
- (viii) Fasal 20 bertujuan untuk menggantikan Suruhanjaya Dagangan Komoditi dengan Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan prosiding mahkamah yang belum

selesai hak tindakan atau rayuan berhubung dengan perkara yang telah berbangkit sebelum pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985;

- (ix) Fasal 21 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi penerusan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) yang ditubuhkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai suatu syarikat bursa di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Fasal 22 pula membuat peruntukan bagi penerusan pengurusan BKKL selama satu tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya akta yang dicadangkan dan selepas itu, satu Lembaga Pengarah yang mematuhi Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 akan ditubuhkan.

- (x) Fasal 23 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi kelulusan automatik Malaysian Futures Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MFCC) sebagai suatu pusat penjelasan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Fasal 24 pula bertujuan membuat peruntukan bagi penerusan pengurusan MFCC yang ada dikekalkan selama tempoh satu tahun selepas berkuat kuasanya akta pindaan yang dicadangkan ini dan selepas itu suatu lembaga

pengarah yang bertepatan dengan peruntukan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 akan ditubuhkan.

- (xi) Fasal 30 bertujuan untuk melesenkan secara automatik syarikat individu penasihat perdagangan komoditi, wakil niaga dan wakil penasihat perdagangan komoditi yang merupakan peniaga di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai borker niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1953.
- (xii) Fasal 32 bertujuan membenarkan Suruhanjaya Sekuriti meneruskan siasatan terhadap seseorang pendaftar yang telah dimulakan di bawah seksyen 44 Akta Dagangan Komoditi 1985, tetapi belum diselesaikan pada masa pemansuhan Akta tersebut.

Cadangan untuk meletakkan pengawalseliaan industri niaga hadapan kewangan dan komoditi di bawah satu rangka kawal selia dan badan penyeliaan akan dapat meningkatkan lagi sistem pengawalan dan penyeliaan yang seterusnya akan membangunkan lagi industri niaga hadapan negara. Langkah ini juga akan mengelakkan duplikasi serta pembaziran tenaga manusia dan kewangan serta meningkatkan kecekapan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin**

**Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan untuk memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

***[Tiada Perbahasan]***

Oleh kerana tidak ada perbahasan, maka tidak payahlah menteri menjawab, menteri pun sudah hilang nampaknya, wakil menteri.....

**Dato' Wong See Wah:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada - mohon maaf *[Ketawa]* saya tersilap dengan Jabatan Perdana Menteri tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan untuk memansuhkan Akta Perdagangan Komoditi 1985.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 37** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.05 mlm.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1996 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 adalah merupakan akta yang mentadbir hal-ehwal penubuhan, pendaftaran dan pengawalseliaan syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing di Labuan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti pelantikan juru audit, larangan dan

sekatan ke atas syarikat luar pesisir asing dan mengkompaun kesalahan-kesalahan.

Akta ini mula berkuatkuasa pada 30hb. Ogos, 1990 setelah 6 tahun Akta Syarikat Luar Pesisir berkuatkuasa, ia kini perlu dipinda untuk memastikan peruntukan-peruntukan itu adalah relevan dan sehaluan dengan arus pembangunan yang diamalkan di lain-lain IOFC di dunia.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini pada amnya usaha untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan akta yang sedia ada supaya selaras dengan perkembangan terkini berkaitan dengan penubuhan perjalanan dan pengawalseliaan syarikat-syarikat luar pesisir di kebanyakan IOFC yang berwibawa.

Secara umumnya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini mempunyai tujuan seperti berikut:

- (i) mencerminkan dasar baru kerajaan terhadap pembangunan Labuan sebagai IOFC seperti membenarkan pemastautin memegang kepentingan syer dalam sesebuah syarikat luar pesisir;
- (ii) memasukkan beberapa peruntukan akta seperti penarikan balik larangan terhadap syarikat luar pesisir daripada menjalankan aktiviti perniagaan petroleum dan kebenaran kepada syarikat luar pesisir mengeluarkan nota pembawa;

- (iii) menyelaraskan beberapa peruntukan akta khususnya berkaitan dengan prosedur operasi, penyerahan dokumen penubuhan syarikat dan seumpamanya;
- (iv) memberi kuasa kepada LOFSA untuk mengeluarkan daripada senarai pendaftaran syarikat-syarikat luar pesisir yang tidak aktif serta tidak membayar yuran tahunan; dan
- (v) membenarkan penubuhan syarikat pengurusan oleh syarikat luar pesisir yang dilesenkan oleh LOFSA bertujuan memberi khidmat sokongan kepada bank luar pesisir, insurans luar pesisir dan syarikat amanah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan.

Bahagian-bahagian utama yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut:

Bahagian I:

- (i) Seksyen 6 akta ibu dipinda untuk menerangkan seseorang pemastautin yang menubuhkan sebuah syarikat luar pesisir Labuan adalah seorang yang bukan pemastautin bagi tujuan seksyen 8 Akta Syarikat Amanah 1990. Dengan pemansuhan seksyen 6 yang sedia ada pemastautin boleh memegang kepentingan saham dalam syarikat luar pesisir.
- (ii) Seksyen 7 akta ibu dipinda dengan pindaan subseksyen 7(3) bertujuan menetapkan keadaan sebuah syarikat luar pesisir boleh menjalankan perniagaan dalam ringgit Malaysia atau

dengan pemastautin dalam keadaan tertentu dan membenarkan aktiviti-aktiviti petroleum dijalankan oleh syarikat luar pesisir.

#### Bahagian IV:

- (i) Seksyen 29 akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 29(2) bertujuan menjelaskan bahawa pemastautin tidak dibenarkan membeli debenture atau menandatangani wang atau memberi pinjaman wang kepada syarikat luar pesisir.
- (ii) Seksyen 51 akta ibu dipinda untuk membenarkan peruntukan saham daripada satu mata wang kepada mata wang yang lain dan menyelaraskan tempoh penyerahan daripada 14 hari kepada satu bulan.

#### Bahagian V:

- (i) Seksyen 87, Akta ibu dipinda dengan menggantikan Subseksyen 87(2) bertujuan membenarkan pengarah-pengarah korporat dilantik oleh syarikat amanah kepada sebuah syarikat luar pesisir selain daripada pegawai amanah yang sedia ada.
- (ii) Seksyen 93, Akta ibu dipinda dengan memasukkan Subseksyen 93(2A) baru serta menggantikan Subseksyen 93(2) bertujuan membenarkan setiausaha korporat dilantik oleh sebuah syarikat amanah kepada syarikat luar pesisir selain daripada setiausaha perseorangan.

#### Bahagian VI

Seksyen 147, Akta itu dipinda untuk membenarkan syarikat luar pesisir bukan pemastautin memegang sekuriti-sekuriti syarikat masing-masing tertakluk kepada had bahawa ia tidak merupakan kepentingan kawalan dalam syarikat domestik.

#### Bahagian X

Memasukkan Bahagian 10 yang baru dan seksyen-seksyen 153 hingga 168 bagi mengadakan peruntukan-peruntukan pelaksanaan pengawalan, pentadbiran dan liabiliti-liabiliti syarikat pengurusan. Cadangan-cadangan pindaan dijangka akan membolehkan LOFSA menjalankan tugas-tugas sebagai pengawal selia syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan dengan lebih efektif. Ia juga dijangka akan menggalakkan perkembangan aktiviti luar pesisir dan memajukan lagi Labuan sebagai IOFC yang terulung di rantau ini. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan kesinambungan pembangunan Labuan sebagai sebuah IOFC serta seiring dengan pembangunan yang terdapat di lain-lain IOFC dunia yang terkemuka dan memperkemas lagi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat Luar Pesisir. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu juga akan membolehkan LOFSA menguatkuasakan akta ini dengan lebih kemas dan berkesan dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dan kewangan negara serta dasar terkini kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada orang Labuan? Ada Ahli Yang Berhormat dari Labuan? Daripada Seremban ada?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada juga. Yang Berhormat bukan daripada Labuan ya?

**7.12 mlm.**

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Bukan dari Labuan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Saya kira kita bahaskan juga, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat response, dengan izin, daripada Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun berjaya membentangkan akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Saya kira akta ini dibentangkan adalah dalam usaha-usaha untuk memajukan Labuan sebagai IOFC yang terkemuka di negara ini. Usaha-usaha ini harus kita beri sokongan walaupun Labuan merupakan Wilayah Persekutuan yang berada di Sabah,

tetapi apa juga pembangunan yang ada di negara kita akan memberi implikasi dan juga akan memberi keuntungan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya walaupun kurang arif di dalam perkara yang dibentangkan tadi, tetapi fahaman saya bahawa selain daripada memperkukuhkan penyeliaan memberi peluang kepada syarikat-syarikat luar pesisir yang akan beroperasi di Labuan, akta ini juga memberi peluang kepada pemastautin untuk memegang syer-syer di dalam syarikat yang akan beroperasi di Labuan.

Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Saya lihat di dalam akta ini menyebutkan bahawa pemastautin-pemastautin tidak boleh memohon membeli debentur atau memberi pinjam atau menandatangani wang dengan sesuatu syarikat luar pesisir. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah rasional kepada perkara-perkara ini disebutkan di dalam akta ini? Saya kira tidak ada perkara lain yang ingin saya bangkitkan, dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dalam usaha-usaha untuk memajukan Labuan sebagai IOFC yang terkemuka di rantau Asia dan kita berharap suatu hari nanti akan menjadi IOFC yang terkemuka di dunia dengan kemampuan negara kita mempunyai teknologi-teknologi multimedia, dan insya-Allah apabila Bakun beroperasi, kita juga akan menjadi negara pembekal tenaga yang terbesar di Asia Pasifik ini. Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan yang akan timbul sekiranya membenarkan pemastautin memiliki syarikat luar pesisir, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu beberapa kesan yang positif akan dapat diperolehi apabila pemastautin dibenarkan memegang kepentingan syer dalam 7 buah syarikat luar pesisir. Yang perlu ditegaskan, syarikat-syarikat luar pesisir sama ada dimiliki oleh pemastautin ataupun bukan pemastautin, tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan pemastautin di Malaysia.

Jadi, bagi syarikat luar pesisir yang tidak dimiliki oleh pemastautin, mereka hanya boleh membolehkan pelabur portfolio di Malaysia. Maka tujuan syarikat luar pesisir ditubuhkan adalah menjalankan perniagaan serantau serta di luar negara secara efisien dan berkos rendah. Banyak syarikat luar pesisir telah ditubuhkan oleh pemastautin di syarikat-syarikat luar pesisir yang lain seperti Cayman Island untuk mencapai tujuan tersebut. Maka penghijrahan syarikat-syarikat pemastautin di Malaysia yang tidak mempunyai perniagaan di luar negara ke Labuan tidak akan berlaku kerana tindakan tersebut tidak memberi faedah kepada mereka memandangkan bahawa syarikat luar pesisir tidak dibenarkan berurusan dengan pemastautin. Sebaliknya, penubuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan akan membawa manfaat kepada mereka yang berurusan di luar negara untuk mengambil faedah suasana operasi yang lebih liberal di Labuan.

Mengenai soalan pemastautin boleh memiliki saham tetapi tidak boleh memiliki debentur. Ini adalah kerana pemastautin boleh memiliki saham, tetapi

tidak boleh menjalankan urusan perniagaan dengan pemastautin dan memiliki saham adalah berbeza dengan menjalankan urusan niaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan debentur. Tidak boleh beli debentur?

**Dato' Wong See Wah:** Ini oleh kerana ia tidak sama dengan saham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG BANK LUAR PESISIR (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.20 mlm.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 1996 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bank Luar Pesisir 1990 adalah merupakan akta yang mentadbir hal ehwal pelesenan dan pengawalseliaan bank-bank luar pesisir serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti perlantikan dan tugas juruaudit, tanggungjawab mengemukakan penyata-penyata kewangan dan kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan.

Pewujudan Akta Bank Luar Pesisir 1990 adalah merupakan salah satu faktor penting dalam usaha memesatkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa. Selaras dengan usaha memantapkan lagi peranannya, maka pindaan ke atas Akta Bank Luar Pesisir dicadangkan khusus bagi memperkemaskan dan mengukuhkan lagi aspek pelesenan dan pengawalseliaannya. Setelah 6 tahun Akta Syarikat Luar Pesisir berkuatkuasa sejak 30hb. Ogos, 1990, ia kini dirasai perlu dipinda bagi memastikan aspek-aspek pengawalseliaan bank luar pesisir negara diperkemaskan sejajar dengan arus pembangunan di pusat-pusat kewangan luar pesisir antarabangsa terkemuka yang lain di dunia.

Pindaan yang dicadangkan ini pada amnya merupakan usaha untuk memperbaiki beberapa peruntukan akta yang sedia ada, khususnya berkenaan dengan perluasan aktiviti perbankan luar pesisir dan kaedah pengawalseliaan serta dasar terkini kerajaan. Secara amnya, pindaan yang dicadangkan mempunyai tujuan seperti berikut:-

- (i) memastikan peruntukan Akta Bank Luar Pesisir seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global serta sejajar dengan tanggungjawab LOFSA melaksanakan tugas-tugas penyeliaannya sebagai pusat serenti luar pesisir;
- (ii) menyelesaikan pelbagai kesulitan tafsiran yang timbul semasa pelaksanaan akta tersebut;
- (iii) memperkemaskan dan memperketatkan kuasa-kuasa penyeliaan LOFSA ke atas bank-bank luar pesisir agar nama baik Labuan sebagai sebuah IOFC terpelihara;
- (iv) memperkemaskan dan menyelaraskan prosedur penyerahan dokumen tertentu serta perlantikan juruaudit oleh bank-bank luar pesisir;
- (v) mengesahkan pelaksanaan beberapa jenis perniagaan perbankan luar pesisir yang baru seperti perbankan pelaburan luar pesisir;
- (vi) memberi kuasa kepada LOFSA untuk membekalkan dokumen-dokumen tertentu kepada pihak berkuasa kewangan luar negara atau membenarkan memeriksa bank-bank luar pesisir dan negaranya;
- (vii) memberi taraf peniaga terkecuali kepada bank-bank luar pesisir berkaitan dengan sekuriti dengan bukan pemastautin; dan

- (viii) menyelaraskan dan memperjelaskan pertindihan yang timbul di antara undang-undang domestik dan undang-undang yang terpakai di IOFC Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian-bahagian utama yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut:-

Bahagian II -

Seksyen 4 akta ibu dipinda untuk menentukan pihak yang boleh menjalankan perniagaan bank luar pesisir atau perniagaan bank pelabur luar pesisir dan memperuntukkan bahawa seseorang yang menjalankan salah satu perniagaan itu hendaklah mempunyai lesen yang sah.

Bahagian III -

Seksyen 18 akta ibu dipinda bagi memastikan kekerapan bank-bank luar pesisir mengemukakan penyata-penyata aset dan liabilitinya dalam aktiviti perniagaan bank luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan kepada bank. Pindaan dibuat ke atas seksyen 18(1) akta ibu. Seksyen 18(3) akta ibu turut dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) yang baru bertujuan membolehkan bank mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehinya dari bank luar pesisir kepada pihak berkuasa kewangan negara asal.

Bahagian IV -

Seksyen 24 akta ibu dipinda dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1) dan memasukkan subseksyen baru berikutnya. Masukkan subseksyen baru ini bertujuan membenarkan bank atau pihak

berkuasa kewangan negara asal untuk mengesahkan ketetapan maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh bank luar pesisir.

Bahagian V -

- (i) di bawah peruntukan-peruntukan am akta ibu, seksyen 33 baru dimasukkan selepas seksyen 32 yang antara lain memberi status peniaga terkecuali kepada bank-bank luar pesisir berlesen dan memperuntukkan seorang wakil kepada sebuah bank luarpesisir yang berurusan dalam hal-hal sekuriti tidak perlu dilesenkan sebagai wakil peniaga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983; dan
- (ii) seksyen 35 baru dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa sesebuah bank luar pesisir hendaklah melaksanakan audit dalaman ke atas operasi-operasinya dari semasa ke semasa dengan melantik juruaudit dalamannya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan LOFSA menjalankan tugas-tugas sebagai pengawal selia bank-bank luar pesisir dengan lebih efektif. Ia juga dijangka akan menggalakkan bank-bank luar pesisir di Labuan bersaing dengan institusi-institusi kewangan luar pesisir yang lain secara lebih efektif. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan regim perbankan luar pesisir negara seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan dunia serta memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan Akta Bank Luar Pesisir. Ia juga akan membolehkan LOFSA

menguatkuasa akta ini dengan lebih kemas dan berkesan dengan mengambil kira perkembangan ekonomi negara serta perkembangan terkini di lain-lain IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

**7.29 mlm.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi bangun untuk turut serta membahaskan rang undang-undang iaitu suatu akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dengan terbentangnya rang undang-undang ini dan rang undang-undang yang kita luluskan sebelum ini menampakkan kesungguhan kerajaan dalam usaha-usaha untuk menampilkan Labuan sebagai IOFC yang terkemuka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila membaca rang undang-undang ini memanglah jelas dan nyata kepada kita bahawa perkataan-perkataan ataupun fasal-fasal yang telah pun diwujudkan dalam rang undang-undang ini adalah untuk memperkukuhkan perjalanan, penyeliaan, perlesenan dan pengawalan kepada bank-bank luar pesisir yang akan diwujudkan di Labuan ini.

Kalau kita melihat dalam seksyen 17, 18 telah pun menyebutkan bahawa laporan-laporan yang perlu dilaporkan telah pun ditentukan dalam akta ini supaya kawalan-kawalan dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Begitu juga telah disebutkan dalam akta ini bahawa dalam seksyen tiga untuk membolehkan bank mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehi daripada bank luar pesisir berlesen daripada pihak berkuasa kewangan negara asal dan luar pesisir. Dengan ini, bererti operasi bank-bank luar pesisir yang akan beroperasi di Labuan akan terlaksana dengan telus dan memberikan keyakinan dan juga kepercayaan kepada sama ada pihak yang menjalankan urus niaga dan juga pihak yang menjadi pelanggan kepada bank-bank yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin membangkitkan dua perkara sahaja iaitu yang pertamanya, mengenai perlindungan kepada penyimpan-penyimpan di bank luar pesisir. Kita tahu bahawa di dunia ini ramai mereka yang kaya raya mempunyai wang yang banyak menyimpan di Swiss bank, bagaimanakah kedudukan bank luar pesisir ini yang mana bank ini akan beroperasi di peringkat antarabangsa, bagaimanakah kita dapat menentukan supaya perlindungan kepada penyimpan-penyimpan di bank-bank di Labuan ini dapat mencapai tahap yang boleh dipercayai dan mendapat keyakinan daripada peniaga-peniaga dan juga clients, dengan izin, daripada seluruh dunia.

Perkara yang kedua yang ingin saya dapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah usaha-usaha kementerian untuk menyelaras atau untuk memperkenalkan perbankan cara Islam yang mana perbankan cara Islam ini telah mendapat kejayaan dalam bank-bank domestik. Apakah kita ingin

memperkenalkan cara ini di Labuan supaya kita dapat menerajui ataupun menerokai pengurusan kewangan secara Islam yang mana setelah kita usahakan di peringkat domestik telah pun mencapai kejayaan dan mendapat pengiktirafan daripada banyak negara sama ada negara Islam dan juga bukan negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, saya juga berharap supaya dengan lulusnya rang undang-undang ini kita berharap usaha-usaha untuk menubuhkan bank-bank luar pesisir di negara kita ini akan mendapat keyakinan daripada pihak-pihak yang berkenaan dan Labuan akan muncul sebagai IOFC yang berjaya, berdaya maju dan mendapat kepercayaan daripada seluruh dunia.

Dengan kata-kata itu saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Datuk Rahim.

**7.33 mlm.**

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian sedikit dalam membahaskan Akta Bank Luar Pesisir (Pindaan) 1996. Saya di samping mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mengawalselia aktiviti perbankan di luar pesisir di Labuan, pada masa yang sama juga janganlah tindakan kerajaan ini sampai menakutkan bank di luar pesisir kerana kita mesti ingat kita banyak mempunyai cabaran daripada bank-bank di luar pesisir di kawasan-kawasan lain di rantau ini.

Jadi, saya berharap di samping usaha kerajaan untuk memperketatkan lagi undang-undang ataupun kawalselia kepada bank-bank luar pesisir ini pada

masa yang sama janganlah ia sampai menakutkan pihak-pihak bank luar pesisir untuk menubuhkan cawangan-cawangan di Labuan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak tahun 1990 sejak kita mulakan IOFC di Labuan, telah berapa banyakkah bank luar pesisir yang beroperasi di Labuan setakat ini? Adakah ianya sungguh menggalakkan ataupun bagaimana sambutan daripada bank-bank di seluruh dunia untuk menubuhkan cawangan-cawangannya di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu keadaan sejak bank luar pesisir beroperasi di Labuan, memang tidak dapat dinafikan bahawa kadar faedah yang dikenakan oleh bank luar pesisir di Labuan adalah lebih murah daripada kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank tempatan yang beroperasi di dalam negara kita ini. Jadi, timbul kecenderungan sesetengah syarikat khasnya syarikat gergasi yang ingin melabur di dalam negara kita ini meminjam ataupun mendapatkan fund daripada bank luar pesisir di Labuan yang lebih murah kalau dibandingkan dengan yang terdapat di dalam negara kita ini.

Di samping ianya menjejaskan pendapatan ataupun peluang bank-bank tempatan, pada masa yang sama juga ianya akan menjejaskan competitiveness, dengan izin, syarikat-syarikat tempatan yang kecil, yang sederhana yang tidak mendapat pinjaman daripada bank luar pesisir ini dengan syarikat-syarikat gergasi yang boleh mendapatkan pinjaman daripada syarikat-syarikat bank luar pesisir ini dengan kadar yang murah, biasanya kadar yang dikenakan hanya kadar LIBOR 6% ataupun 7% tetapi kadar yang dikenakan oleh bank tempatan ialah biasanya BLR+2+3 biasanya jadi 11% ataupun 12%. Jadi, saya ingin

mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan bagaimana caranya supaya pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana tempatan juga demi membolehkan mereka ini bersaing bersama-sama dengan syarikat-syarikat gergasi yang mendapat cost of fund, dengan izin, yang lebih murah supaya mereka ini boleh bersaing. Bagaimana syarikat-syarikat tempatan boleh memanfaatkan bank luar pesisir ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang ini dan saya menyokong akta pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Kamilia binti Ibrahim.

**7.37 mlm.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah berjaya untuk menghasilkan satu pindaan untuk akta rang undang-undang yang dipanggil Akta Bank Luar Pesisir 1990 untuk memperketatkan kawalan dan juga untuk sekaligus meninggikan tahap perbankan negara.

Saya hanya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian iaitu daripada satu aspek yang juga merupakan satu isu antarabangsa yang ditimbul, diperbahas dan diperbincangkan iaitu mengenai dengan money laundering, dengan izin, kerana ada dibaca di dalam satu laporan bahawa aktiviti money laundering ini adalah satu aktiviti yang juga meningkat dan adakah kawalan-kawalan yang dikenakan mengikut apa yang diperuntukkan dalam akta ini dapat menjamin kita tidak akan memberikan peluang-peluang money laundering ini

berlaku dan supaya kita tidak-apa yang diwujudkan sebagai bank luar pesisir ini akan tidak juga menjadi satu yang mungkin merugikan sepertimana yang berlaku di Bahamas. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**7.38 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini khasnya kepada Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

Ketiga-tiga telah menyentuh perkara yang ada kaitan dengan pengawalseliaan bank-bank luar pesisir. Sukacita saya maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, iaitu peningkatan pengawalseliaan sebenarnya boleh menarik para pelabur untuk datang dan melabur di Labuan terutama sekali pelabur-pelabur yang benar-benar 'genuine' hendak melabur di Malaysia ataupun hendak melabur di Labuan.

Sebenarnya kita di Labuan boleh memilih sama ada untuk mengadakan suasana operasi yang sangat liberal yang boleh menarik ramai pelabur dalam jangka masa yang singkat ataupun kita boleh memilih untuk membina pusat luar pesisir di atas asas yang kukuh melalui perkhidmatan dan komitmen yang unggul untuk menjaga imej bersih. Jadi dengan adanya pindaan-pindaan yang

telah dilakukan dan kita berharap dapatlah kita mempunyai satu rang undang-undang yang lebih ketat dan kita harap ini dapat meningkatkan lagi tarikan kepada pelabur dari dunia sekarang kerana memandangkan sekarang trend yang berlaku di dunia ini termasuk di kalangan IOFC telah berubah iaitu daripada financial environment yang sangat liberal kepada pengawalseliaan yang secukupnya dan semua bank luar pesisir sebelum dibenarkan mendaftar di Labuan dan diluluskan dikehendaki memberi maklumat-maklumat tertentu yang tidak rahsia kepada pihak berkuasa kewangan untuk tujuan pengawalan berkhidmat.

Mengenai perlindungan yang dapat diberikan kepada penyimpan luar pesisir, bank-bank di Labuan diberi perlindungan melalui guarantee oleh head quarters di negara masing-masing, yang pertama. Yang kedua, hanya bank-bank terkemuka sahaja dibenarkan beroperasi di Labuan.

Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia iaitu mengenai money laundering, berbagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan money laundering iaitu;

- (i) tiada tunai boleh diterima dalam urusan di Labuan.  
Semua urusan hendaklah diuruskan dalam bentuk cek dan sebagainya;
- (ii) seperti yang saya katakan tadi, hanya bank-bank yang terkemuka sahaja dibenarkan beroperasi di Labuan, jadi mereka masing-masing hendak menjaga nama baik dan reputasi masing-masing supaya perkara yang tidak

diingini yang mungkin akan mencemarkan nama baiknya tidak akan berlaku; dan

- (iii) setiap bank mestilah mengawal dasar mengenali pelanggan mereka. You have to know your client dan tidak boleh sesiapa sahaja yang datang mereka terima duit itu. Ini saya rasa adalah sebagai langkah yang diambil oleh LOFSA untuk memastikan supaya kebersihan duit tidak berlaku di dalam Labuan.

Mengenai kita hendak menjadi Labuan sebagai sebuah pusat kewangan Islam, pihak LOFSA cuba hendak menjadikannya sebagai satu pusat kewangan Islam di mana belum ada apa-apa akta dan rang undang-undang itu masih di dalam peringkat penyediaan dan belum sempat hendak dikemukakan di dalam Dewan di sidang ini dan mungkin kita jangka dapat diluluskan pada persidangan yang akan datang ini.

Sebenarnya ini adalah untuk memastikan kita mempunyai akta-akta tertentu dan dapat kita memperkenalkan produk-produk atau praktis-praktis yang mengikut lunas-lunas Islam itu dapat dijalankan di Labuan. Sama ada kadar pinjaman adalah murah di Labuan IOFC, memang pinjamannya adalah murah. Ini adalah kerana pinjaman di luar ini adalah di dalam mata wang asing. Katakanlah sebagai contoh, pinjaman di dalam Dollar Amerika ataupun Yen, tetapi kalau ada juga risiko pertukaran asing ekoran turun naik kadar peruntukan exchange rate, jadi mungkin kita dapat kadar yang murah, tetapi oleh kerana fluctuation turun naik kadar pertukaran wang itu begitu tidak stabil

sekali dan juga mempunyai risiko tertentu, jadi ini adalah satu risiko yang perlu diberi perhatian semasa satu-satu pinjaman itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin ada juga yang telah tertinggal dan yang belum sempat saya jawab dan memberi penjelasan. Saya harap pihak Kementerian Kewangan dapat memberi perhatian dan mengambilkira semua points yang telah dikemukakan.

Dengan itu, saya mohon mencadangkan sekali lagi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah segala urusan yang terwajib ke atas Dewan ini telah pun selamat diselesaikan dengan

aman dan tenteram dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada saya khususnya dan kepada Dewan ini.

Saya mengambil peluang dan kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua kerana telah memberi sokongan sepenuhnya kepada saya dan memberi kerjasama untuk mempercepat dan melicinkan urusan kita selama enam hari ini. Kita berdoa semoga kita dapat berjumpa di dalam persidangan yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan sukacitanya mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan kepada sahabat-sahabat kita yang beragama Kristian “Selamat Menyambut Hari Natal”. Ya, Yang Berhormat dari Seremban, begitukah? *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Kepada semua, Tuan Yang di-Pertua. “Merry Christmas”. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** “Merry Christmas”, itu dengan izin, ya? *[Ketawa]* Dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kita semua akan menyambut Tahun Baru 1997 selepas persidangan ini dan sebelum kita bersidang pada akhir bulan Mac. Dengan itu, saya menangguhkan Dewan ini kepada satu hari yang akan ditetapkan di masa akan datang, insya-Allah.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.50 malam.***